

**ANALISIS *AL-NABR* DALAM SURAH 'ABASA**

**SHAHRIMAN BIN SAID**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

**ANALISIS *AL-NABR* DALAM SURAH ‘ABASA**

**SHAHRIMAN BIN SAID**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **Shahriman bin Said** (No. KP/Passport No: **750215-02-6439**)

No. Pendaftaran/Matrik : **TGA 080031**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ( “Hasil Kerja Ini” ):

**Analisis *Al-Nabr* dalam Surah ‘Abasa**

Bidang Penyelidikan : **Fonetik Bahasa Arab**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil kerja ini adalah asli ;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang /penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini.
- (4) saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa menghasilkan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hal yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui dihadapan

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama: Prof. Madya Dr. Haji Mohammad bin Seman  
Jawatan: Pensyarah/Penyelia

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengaplikasikan kaedah al-Nabr dalam al-Qur'a:n, khususnya surah 'Abasa untuk mengenal pasti cara sebutan dan bacaan yang menepati kaedah fonetik Arab, di samping untuk mengkaji peranan serta perkaitan posisi *al-Nabr al-Ra'i:siyy* dalam setiap kalimah dengan tema-tema yang terdapat dalam surah berkenaan. Kajian ini penting bagi memperlihatkan bagaimana kaedah al-Nabr dalam bacaan dan sebutan bahasa Arab boleh diaplikasikan. Kaedah yang diguna pakai dalam kajian ini adalah kaedah perpustakaan. Penyelidik mengumpul data dan menganalisis maklumat melalui rujukan dan penelitian ke atas kajian-kajian yang berkaitan. Maklumat serta teori yang diperolehi, telah digunakan bagi merekabentuk kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Nabr dalam kalimah bahasa Arab khususnya al-Qur'a:n sekalipun bukan fonem yang membawa kepada perubahan makna, namun wajar dikaji dan diselidiki kerana ia mempunyai fungsi-fungsi tersendiri dalam bahasa Arab. Posisi *al-Nabr al-Ra'i:siyy* bagi setiap kalimah dalam surah membentuk susunan fonetik dan pola tertentu mengikut jenis suku kata dan tema yang terdapat dalam surah. Kajian ini diharapkan dapat membantu membuka dimensi baru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab serta pengajian al-Qur'a:n, khususnya bagi tujuan pembinaan silabus dan perencanaan kaedah-kaedah pengajaran kemahiran membaca.

## ABSTRACT

This study aims to apply the method of al-Nabr in the Qur'an, especially Surah 'Abas to identify ways of pronunciation and phonetic reading to meet the Arabic phonetic method. In addition to examining the role and relevance of *al-Nabr al-ra'i: siyy* position in every word with the themes found in the relevant chapter. This study is important to show how the methods of al-Nabr in Arabic reading and references can be applied. Methods used for this study is a secondary method, where researcher collect data and analyze the information by reference, and a review of relevant studies. In other word, a library method is being used for this study. The theoretical information obtained was used to design this study. The results showed that al-Nabr in particular Arabic words of the Qur'an, even though it is not a phoneme which leads to a change of meaning, but it is desirable in the study and investigated because it has its own functions in Arabic. The position al-Nabr al-Ra'i:siyy for every word in chapter form a certain pattern arrangement according to the phonetic and syllable types and themes found in the chapter. This study is expected to help open a new dimension in the teaching and learning of Arabic and Koranic studies, in particular for the construction of the syllabus and planning methods of teaching and reading skills.

## **PENGHARGAAN**

Syukur dan puji-pujian kepada Allah S.W.T kerana dengan khudrat dan iradatNya dapat saya siapkan disertasi ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat yang berbahagia Dr. Haji Mohammad bin Seman selaku penyelia disertasi ini yang telah banyak memberi bimbingan, panduan, tunjuk ajar dan semangat kepada penulis bagi menyiapkan disertasi ini.

Sekalung penghargaan buat Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik Prof. Dr. Zuraidah binti Mohd Don dan kakitangan Fakulti Bahasa dan Linguistik. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya sehingga berjaya menyiapkan disertasi ini. Juga kepada pensyarah-pensyarah saya, Prof. Dr. Solehuddin Syamsuddin al-Nadawi, Prof. Dr. Lohanayahi Baskaran, Dr. Faridah Noor bt. Mohd Noor, Dr. Jawakhir bt. Mior Mohd. Ja'afar dan Puan Ainon Rozana bt. Mohd Zaid. Segala ilmu yang dicurahkan amat bermakna dan berharga sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaya.

Setinggi-tinggi penghargaan buat isteri tercinta Siti Zainab bt. Mamat kerana telah banyak berkorban masa dan tenaga bersama-sama membantu penyelidik dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Ribuan terima kasih buat bonda yang dikasihi Eshah bt. Bakar yang sentiasa berdoa demi kejayaan anaknya, begitu juga Allahyarham ayahanda tersayang Said b. Majid yang amat besar jasanya bagi kejayaan yang dikecapi sehingga kini. Juga kepada anak-anak yang turut menyuntik semangat saya untuk menyiapkan disertasi ini.

Kepada rakan-rakan yang turut menyumbangkan pendapat dan dorongan serta membantu mendapatkan rujukan, terima kasih diucapkan, semoga Allah S.W.T memberikan ganjaran dan limpah kurniaNya di atas jasa-jasa dan sumbangan yang telah diberikan.

Segala yang baik itu datanganya dari Allah S.W.T, manakala yang kurang itu adalah kelemahan dan kekurangan diri saya.

Shahriman bin Said

Sarjana Pengajian Bahasa Moden

Universiti Malaya

Kuala Lumpur.

## KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
Abstrak	iii
Penghargaan	v
Kandungan	vii
Jadual Tranliterasi Ejaan Arab ke Melayu	x
Senarai Singkatan	xiii
Senarai Jadual dan Graf	xiv
<b>BAB SATU      PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.0              Pendahuluan	1
1.1              Pernyataan Masalah	2
1.2              Kepentingan Kajian	2
1.3              Objektif Kajian	3
1.4              Soalan Kajian	4
1.5              Skop dan Batasan Kajian	4
1.6              Sorotan Kajian Lepas	5
1.7              Metodologi Kajian	15
1.8              Rangka Kajian	19
<b>BAB DUA      KONSEP DAN PERANAN AL-NABR DALAM</b>	<b>21</b>
<b>                 BAHASA ARAB</b>	
2.0              Pendahuluan	21
2.1              Konsep dan Definisi al-Nabr	21
2.1.1 Definisi Bahasa	21



	2.1.2 Definisi Istilah	22
	2.1.3 Konsep al-Hamzat dan al-Nabr	23
2.2	Status al-Nabr dalam Bahasa Arab	26
	2.2.1 al-Nabr, al-Qur'a:n dan al-Tajwid	30
	2.2.2 al-Nabr dan al-Syér	34
2.3	Peranan al-Nabr	35
	2.3.1 Fungsi Fonetik	35
	2.3.2 Fungsi Bezaan Makna	36
2.4	Kesimpulan	37
<b>BAB TIGA</b>	<b>BENTUK DAN KAEDAH AL- NABR DALAM BAHASA ARAB</b>	39
3.0	Pendahuluan	39
3.1	Bentuk dan Pembahagian al-Nabr	39
	3.1.1 Nabr al-Kalimah	39
	3.1.2 Nabr al-Jumlah	42
	3.1.3 Nabr al-Ilhah/al-Taqa:buliyy	43
3.2	Posisi dan Tahap-Tahap al-Nabr	43
3.3	al-Nabr dan Suku kata /al-Maqta'	47
	3.3.1 Definisi Suku kata /al-Maqta'	48
	3.3.2 Pembahagian Suku kata	49
3.4	Kaedah-kaedah al-Nabr dalam Kalimah	51
	3.4.1 Kaedah Ani:s Ibrahim	51
	3.4.2 Kaedah Tamam Hasan	53
	3.4.3 Kaedah Daud 'Abduh	55
3.5	Mengaplikasikan Kaedah al-Nabr	57

3.6	Perpindahan al-Nabr	62
3.7	Kesimpulan	65
<b>BAB EMPAT</b>	<b>ANALISIS POSISI AL-NABR DALAM SURAH</b>	66
4.0	Pendahuluan	66
4.1	Latar Belakang Surah ‘Abasa	66
4.2	Surah ‘Abasa Terjemahan dan Tafsiran	71
4.3	Pemangkalan Perkataan dan Menentukan posisi al-Nabr al-Ra’i:siy	75
4.4	Jenis Suku kata dalam Surah	91
4.5	Posisi dan Kekerapan al-Nabr al-Ra’i:siy	91
4.6	Dapatan	93
4.7	Kesimpulan	97
<b>BAB LIMA</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	99
5.0	Pendahuluan	99
5.1	Rumusan	99
5.2	Cadangan	103
5.3	Penutup	105
<b>RUJUKAN</b>		106

## Transliterasi Ejaan Arab ke Melayu

Penulis akan menggunakan Sistem Tranliterasi yang diterbitkan oleh Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya (Edisi 2006) seperti berikut.

### a) Konsonan

Lambang Huruf	Nama/Bunyi Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaan
ء	Hamzat	,	Sa'ala = سَأَلَ
ب	'Ba:	B	Ba:b = بَاب
ت	'Ta:	T	Ti:n = تَيْن
ث	'Tha:	Th	Thala:thaṭ = ثَلَاثَة
ج	Ji:m	J	Jild = جِلْد
ح	'Ha:	H	Hasan = حَسَن
خ	'Kha:	Kh	Khuru:j = خُرُوج
د	Da:l	D	Dayn = دَيْن
ذ	Dha:l	Dh	Dhulkifl = ذُو الْكِفْلِ
ر	'Ra:	R	Ra:fi' = رَافِع
ز	Za:y	Z	Zamhari:r = زَمْهَرِير
س	Si:n	S	Sa:dis = سَادِس
ش	Shi:n	Sh	Sharq = شَرْق

ص	Sa:d	Ṣ	Ṣiya:m = صِيَام
ض	Da:d	Ḍ	Ḍiya:’ = ضِيَاع
ط	’Ta:	Ṭ	Ṭari:q = طَرِيق
ظ	’Za:	Ẓ	Ẓila:l = ظِلَال
ع	‘Ayn	‘	‘A:lim = عَالِم
غ	Ghayn	Gh	Ghiya:b = غِيَاب
ف	’Fa:	F	Fasl = فَصْل
ق	Qa:f	Q	Qiya:m = قِيَام
ك	Ka:f	K	Kala:m = كَلَام
ل	La:m	L	Lubna:n = لُبْنَان
م	Mi:m	M	Muharram = مُحَرَّم
ن	Nu:n	N	Namir = نَمِر
هـ	’Ha:	H	Hind = هِنْد
و	Wa:w	W	Wahha:b = وَهَاب
ي	’Ya:	Y	Yawm = يَوْم
ة	Ta:’ Marbu:tat	ṭ	Marraṭ = مَرَّة

## b) Vokal Pendek

Lambang Vokal	Tranliterasi	Contoh
اَ	A	Akala = أَكَلَ
اِ	I	‘Alima = عَلِمَ
اُ	u	Karuma = كَرَّمَ

## c) Vokal Panjang

Lambang Vokal	Tranliterasi	Contoh
اَ اْ	a:	Qa:l = قَالَ
اِ اْ	i:	Kari:m = كَرِّمَ
اُ اْ	u:	Maktu:b = مَكْتُوبَ

## d) Diftong

Lambang Vokal	Tranliterasi	Contoh
اَيَّ	Ay	Si:bawayh = سَيِّبَوَيْهَ
اَوْ	Aw	Al-Tawbat = التَّوْبَةُ

## e) Tashdi:d Ya:’

Lambang Vokal	Tranliterasi	Contoh
يَّ	Yy	Makkiyy = مَكِّيَّ

## Senarai Singkatan

K	=	Konsonan
V	=	Vokal
KV	=	Suku kata pendek
KVV	=	Suku kata sederhana panjang terbuka
KVK	=	Suku kata sederhana tertutup
KVVK	=	Suku kata sederhana panjang tertutup dengan satu konsonan
KVKK	=	Suku kata sederhana tertutup dengan dua konsonan
KVVKK	=	Suku kata panjang tertutup dengan dua konsonan
^	=	Tekanan suara utama/tinggi
-	=	Tekanan suara sederhana
o	=	Tekanan suara rendah/lemah
SK1	=	Suku kata pertama
SK2	=	Suku kata kedua
SKSA	=	Suku kata sebelum akhir
SKA	=	Suku kata akhir
t.t	=	Tanpa tarikh

## **Senarai Jadual dan Graf**

- Jadual 1 : Pengeditan kalimah surah dan posisi al-Nabr al Ra'i:siyy
- Jadual 2 : Bentuk-bentuk suku kata yang terdapat dalam surah mengikut tema
- Jadual 3 : Posisi al-Nabr al Ra'i:siyy mengikut tema surah
- Graf 1 : Bentuk suku kata mengikut tema
- Graf 2 : Posisi al-Nabr al Ra'i:siyy mengikut tema surah

## **BAB SATU : PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Bunyi atau suara yang dihasilkan ketika proses pengujaran atau pertuturan adalah berbeza kadarnya sama ada tinggi, sederhana atau rendah. Perbezaan kadar sebutan perkataan tadi dinamakan al-Nabr atau dalam bahasa Melayunya disebut sebagai tekanan suara, yang merujuk kepada : kekuatan yang lebih besar dalam artikulasi pada salah satu bahagian ujaran yang membuatnya lebih menonjol daripada bahagian ujaran yang lain (Harimurti, 1982:164).

Menurut Qanna:wiyy dan Sulta:n (1986), setiap suku kata itu terdiri daripada sekurang-kurangnya dua fonem, konsonan dan vokal, oleh kerana vokal itu sifatnya lebih nyaring berbanding konsonan dan ia merupakan nukleus dalam suku kata, maka tekanan bunyi keras adalah terletak pada vokal.

Daripada definisi oleh Harimurti, pendapat Qanna:wiyy dan Sulta:n, jelas menunjukkan bahawa setiap bahasa pertuturan mempunyai intonasi yang tertentu dan khusus. Hal ini demikian kerana terdapat perbezaan dari segi sebutan tinggi atau rendah yang melibatkan tekanan pada suku kata tertentu dalam perkataan atau ayat. Perbezaan dari segi kadar sebutan dalam sesetengah bahasa, sebahagian besarnya membawa kepada perubahan makna bagi perkataan atau ayat yang diungkapkan.

Al-Qur'a:n seperti mana yang diketahui dan diakui oleh umat Islam, merupakan mukjizat yang paling agung yang diwarisi daripada nabi Muhammad S.A.W. Mukjizat al-Qur'a:n sangat luas merangkumi segenap aspek, tidak terkecuali aspek bahasa dan fonetik yang perlu disingkap dan diterokai.



## **1.1 Penyataan Masalah**

Hasil rujukan dan bacaan yang dilakukan, menunjukkan bahawa, setakat ini belum didapati linguist yang memperincikan tentang al-Nabr dan fungsinya dalam bahasa Arab dengan menjadikan ayat-ayat al-Qur'a:n sebagai korpus kajian. Persoalannya, apakah al-Nabr membawa implikasi kepada perubahan makna dalam bahasa Arab khususnya al-Qur'a:n? Apakah ianya mempunyai perkaitan dengan maksud dan tema-tema surah yang terdapat dalam al-Qur'a:n? Oleh itu, peranan al-Nabr dalam bahasa Arab dan al-Qur'a:n dilihat perlu untuk diketengahkan sebagai bahan kajian.

Terdapat kaedah yang pelbagai telah diguna pakai bagi menentukan posisi al-Nabr dalam perkataan atau ayat, begitu juga terdapat perbezaan dalam penggunaan istilah dan simbol bagi mengkategorikan bentuk dan menentukan kadar tinggi-rendah sebutan al-Nabr dalam bahasa Arab.

Oleh itu, kajian ini dilihat perlu bagi mengenal pasti serta menyusun kaedah al-Nabr dengan cara yang terbaik dan mudah untuk digunakan, seterusnya mengaplikasikan kaedah berkenaan bagi mengenal pasti posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy yang terdapat dalam ayat-ayat al-Qur'a:n, serta mengkaji peranan dan perkaitannya dengan makna atau tema yang terkandung dalam surah yang dipilih.

## **1.2 Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kaedah al-Nabr yang terbaik dan mudah untuk diaplikasikan dalam al-Qur'a:n, khususnya surah 'Abasa. Seterusnya mengenal pasti posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy yang terdapat dalam ayat-ayat surah berkenaan bagi

mendapatkan cara sebutan yang betul mengikut kaedah al-Nabr, di samping mengkaji peranan dan perkaitannya dengan tema-tema surah berkenaan.

Kajian ini akan menjurus kepada panduan dan keperluan mempelajari cara membaca dan menyebut kalimah-kalimah bahasa Arab yang betul berasaskan kaedah al-Nabr yang sedia ada dan membuka dimensi baru terhadap pengajian al-Qur'a:n dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan fonetiknya.

Adalah diharapkan dapatan daripada kajian ini dapat membantu para pengajar bahasa Arab menggunakan cara sebutan yang betul mengikut kaedah al-Nabr dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, di samping membolehkan pelajar mengaplikasikan kaedah-kaedah yang dipelajari dan mampu menyebut perkataan bahasa Arab dengan betul dan fasih mengikut tahap dan posisi al-Nabr yang betul.

Kajian ini juga diharapkan agar dapat memberi sumbangan idea dalam penyusunan silabus subjek dan buku teks bahasa Arab khususnya, juga dalam penyelarasan kaedah tajwid serta pengajian al-Qur'a:n berasaskan cara sebutan dan fonetik yang betul.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian disertasi ini adalah untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

- 1.3.1 Menenal pasti kaedah Nabr al-kalimah dalam bahasa Arab.
- 1.3.2 Menenal pasti posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy dan posisinya dalam setiap perkataan surah 'Abasa.
- 1.3.3 Menganalisis perkaitan antara posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy dengan makna dan tema yang terdapat dalam surah 'Abasa.

## **1.4 Soalan Kajian**

- 1.4.1 Sejauh manakah kaedah-kaedah Nabr al-kalimah yang terdapat sebelum ini dapat diaplikasikan?
- 1.4.2 Di manakah posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy dalam setiap perkataan- perkataan dalam surah 'Abasa.?
- 1.4.3 Apakah posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy berubah mengikut struktur dan posisi perkataan dalam pola ayat yang berbeza?
- 1.4.4 Apakah perkaitan kekerapan posisi al-Nabr dalam perkataan dengan makna dan tema yang dibawa oleh Surah?

## **1.5 - Skop dan Batasan Kajian**

Memandangkan ramai linguist telah bersependapat mengatakan Nabr al-Kalimah dalam bahasa Arab tidak membawa perubahan makna bagi perkataan berbanding Nabr al-Jumlah, oleh itu penyelidik berpendapat kesan al-Nabr terhadap makna am bagi sesuatu perkataan wajar dikaji, di samping perlunya satu panduan dihasilkan bagi memperjelaskan hal berkenaan.

Kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis kaedah-kaedah Nabr kalimah yang sedia ada dan telah disepakati oleh kebanyakan linguist bagi mendapatkan satu kaedah yang lebih mudah dan terbaik untuk digunapakai dan diaplikasikan. Surah 'Abasa ialah surah yang ke-80 dalam al-Qur'a:n, ianya dipilih sebagai korpus kajian berdasarkan kepelbagaian tema padanya, selain bilangan ayat-ayatnya tidak terlalu panjang, yang dilihat perlu bagi memudahkan proses pemangkalan suku kata dan menentukan posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy bagi setiap patah perkataannya.

## 1.6 – Sorotan Kajian Lepas

Hasil rujukan dan bacaan yang dilakukan terhadap kajian dan penulisan berkaitan topik kajian, menunjukkan bahawa setakat ini belum ada penulis atau linguist yang membicarakan dan menghasilkan sebuah buku tentang al-Nabr dalam bahasa Arab dan kaedahnya secara tersusun dan terperinci, namun begitu terdapat beberapa orang penulis yang ada menyentuh atau membincangkan tentang al-Nabr, walau sekadar menjadikannya unit kecil dalam buku-buku yang dihasilkan.

Dalam hal ini, amat wajar untuk diberikan penghargaan kepada Daud ‘Abduh (1980) yang telah mengarang buku “*Dira:sa:t fi ‘Ilmi al-Ashwa:t al-‘Arabiyyah*” yang banyak membicarakan dan menghuraikan tentang al-Nabr dalam bahasa Arab, fungsi dan pembahagiannya, begitu juga Anis Ibrahim (1979) dalam bukunya “*al-Aswa:t al-Lughawiyyah*”, juga Tamam Hasan (1973) dan karyanya “*al-Lughah al-Arabiyyah Ma’na:ha: Wa Mabna:ha:*”. Semua rujukan tadi banyak membantu penyelidik dari segi sumbangan idea dan maklumat untuk membuat kajian yang selanjutnya.

Terdapat dakwaan oleh linguist moden, juga merupakan orientalis barat, iaitu G.Bergstrasser (1983:72) yang mengatakan bahawa tidak ada bukti sampai pada kita hari ini, yang menunjukkan bahawa al-Nabr itu terdapat dalam bahasa Arab. Dakwaan ini seolah-olah mengatakan bahawa para linguist dan ilmuan terdahulu langsung tidak menyentuh dan membicarakan tentang al-Nabr, berikutan tidak terdapat penggunaan istilah al-Nabr dalam kajian dan penulisan mereka.

Namun Ahmad Mukhtar ‘Umar (1971 : 90) berpendapat bahawa, para ulama terdahulu bukannya mengabaikan terus al-Nabr dalam kajian mereka, tetapi oleh kerana

ianya tidak dikategorikan sebagai fonem yang membawa kepada perubahan makna, maka mereka tidak membincangkannya secara terperinci dalam kajian mereka.

‘Abd al-Qa:dir (1997:108 ) berpendapat bahawa walaupun al-Nabr tidak dibincangkan secara meluas pada ketika itu, para linguis dan ilmuwan terdahulu ada membicarakan tentang Nabr, tetapi mereka menggunakan istilah yang pelbagai, namun membawa maksud dan fungsi yang sama dengan al-Nabr.

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas dapat disimpulkan bahawa al-Nabr sememangnya digunakan dalam bahasa Arab, meskipun terdapat dakwaan mengatakan kewujudannya tidak dapat dibuktikan, berikutan istilah berkenaan tidak digunakan dengan meluas serta tidak terdapat dalam penulisan para linguis terdahulu, namun terdapat istilah-istilah lain yang digunakan sebelum ini dan membawa maksud dan fungsi yang sama dengan al-Nabr. Seterusnya status al-Nabr yang bukan fonem dalam bahasa Arab, dikatakan menjadi menjadi punca para linguis terdahulu seolah-olah terlupa membincangkannya dalam kajian fonetik mereka.

Ahmad Mukhtar ‘Umar (2006: 226) berpendapat bahawa walaupun bahasa Arab tidak menggunakan al-Nabr sebagai satu fonem, tetapi ini tidak menafikan kewujudannya. Ianya terdapat dalam setiap bahasa yang dituturkan , kerana ungkapan sesuatu bahasa itu tidak akan sempurna tanpa memberikan tumpuan kepada al-Nabr dalam perkataan.

Para linguis Arab berbeza pendapat mengenai taraf al-Nabr dalam bahasa Arab, sama ada ianya berfungsi sebagai fonem yang membawa kepada perubahan makna, ataupun ianya bukan fonem dalam bahasa Arab.

Ani:s Ibrahim (1979: 122), berpendapat bahawa al-Nabr dalam perkataan yang sama tidak berfungsi sebagai fonem kerana ianya tidak membawa sebarang perubahan terhadap makna. Sebaliknya al-Khu:liyy (1987) berpendapat bahawa al-Nabr itu adalah fonem dalam bahasa Arab dengan memberikan contoh: /kari:mu al-Khuluq/ (كَرِيمُ الْخُلُقِ) : “seorang lelaki yang berakhlak mulia” dan dibandingkan dengan /kari:mu: al-Khuluq (كَرِيمُو الْخُلُقِ): “ lelaki-lelaki yang berakhlak mulia”. Kedua-dua lafaz /kari:mu dalam kedua-dua ayat adalah sama dari segi bunyi, tetapi yang berbeza ialah kadar al-Nabr bagi suku kata ketiga dalam ayat, al-Nabr yang lebih tinggi membawa perbezaan dari segi bilangan.

Kesimpulan daripada pendapat-pendapat di atas, jelas menunjukkan bahawa al-Nabr ada kalanya berperanan dalam membezakan makna dan berfungsi dalam pembentukan struktur kata dalam setiap bahasa, tidak terkecuali bahasa Arab. Maka sewajarnya kajian tentang kepentingan al-Nabr dalam bahasa Arab khususnya al-Qur’a:n, perlu diketengahkan bagi mengenal pasti fungsi al-Nabr, sama ada ianya menjadi fonem yang membawa perubahan dan memberi kesan kepada maksud yang terkandung dalam kalimah dan ayat-ayat al-Qur’a:n.

Menurut al-Khu:liyy (1987:162) al-Nabr itu tetap menjadi sesuatu yang menarik untuk dikaji dan diselidiki. Hal ini kerana tekanan suara itu memperlihatkan secara langsung peranan vokal ketika mana-mana kata bahasa Arab standard itu diujarkan dan kerana tekanan yang dikenakan bukan pada posisinya yang sebenar pada mana-mana bahasa sekalipun akan menyebabkan satu-satu ujaran itu menjadi ganjil dan mungkin menghalang proses kefahaman terhadap apa yang didengar.

Menurut beliau lagi, bahasa Arab mempunyai cara dan kaedah yang tertentu berkaitan dengan al-Nabr, walaupun kaedah sebutannya tidak dinyatakan secara jelas

oleh para ahli linguistik terdahulu yang menyebabkan timbulnya salah tanggapan mengatakan bahawa al-Nabr itu langsung tidak terdapat dalam bahasa Arab, sedangkan sekiranya kita mendengar bacaan al-Qur'a:n sahaja, kita dapat membezakan dengan jelas posisi al-Nabr dalam ayat-ayat yang dibacakan .

Menurut Nasha'at Muhammad Reda: (1997:120) terdapat ayat al-Qur'a:n di mana huruf asalnya tidak ditulis, tetapi disebut dengan al-Nabr yang lebih panjang , contohnya, firman Allah S.W.T :

قَالَ أَرْءَيْتَكَ هَذَا الَّذِي كَرَّمْتَ عَلَىٰ لَيْسَ أَخَرْتَنِي إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَمَةِ لَا حَتِيبَكِي .  
ذُرِّيَّتَهُ إِلَّا قَلِيلًا

al -Israk:62

Dalam ayat di atas, lafaz ( أَخَرْتَنِي ) dibaca dengan tekanan pada huruf “ nun “ ( نِ ) yang berbaris dibawah. Ianya dibaca dengan tekanan yang lebih panjang berbanding huruf yang lain dalam kalimah tersebut bagi menjelaskan maksud asalnya ( أَخَرْتَنِي ) iaitu huruf “ ya” ( يِ ) bermaksud ( saya ) yang telah dibuan. Al-Nabr pada huruf berkenaan bertujuan untuk menjelaskan hal tersebut.

Sekiranya al-Nabr yang terdapat dalam al-Qur'a:n tidak membawa kepada sebarang perubahan makna sekali pun, namun ianya masih perlu dikaji bagi memenuhi aspek keperluan pengajaran dan pembelajaran bahasa itu sendiri. Jack Halpen ( 2008 ), dalam artikel beliau menyatakan:

*“Arabic stress and neuralization rules are worthy of serious investigation. Other than being of great academic and theoretical interest, these rules have practical applications in pedagogy, speech technology, lexicography ...”*

Dalam hal ini, penyelidik bersetuju dengan pendapat beliau, sekiranya al-Nabr itu bukan fonem sekali pun dalam bahasa Arab, ianya tidak menjadi satu halangan untuk dikaji, kerana sudah terbukti dalam semua bahasa terdapat al-Nabr yang sentiasa berubah posisinya setiap kali dilafazkan, biar pun ada kalanya tidak membawa kepada perubahan makna, namun ianya perlu dikaji dalam bidang linguistik untuk tujuan pembelajaran bahasa, bagi memastikan sebutan yang betul dan jelas bagi memudahkan pemahaman terhadap bahasa yang dituturkan.

Ahmad Mukhtar ‘Umar (2006:222) mengatakan bahawa setiap bahasa yang menggunakan al-Nabr sebagai fonem, posisi al-Nabrnya dalam suku kata atau perkataan adalah bebas dan berubah-ubah posisinya mengikut maksud yang hendak disampaikan, ada kalanya al-Nabr berlaku di awal suku kata, tengah atau pun suku kata yang terakhir.

Bahasa Inggeris umpamanya, terdapat al-Nabr dalam perkataan “subject” yang membezakan sama ada ianya kata nama atau kata kerja, sekiranya al-Nabr lebih tinggi pada suku kata pertama “**sub**-ject” ianya adalah kata nama, dan ianya menjadi kata kerja sekiranya al-Nabr berlaku pada suku kata kedua “sub-**ject**”.

Bahasa yang tidak menggunakan al-Nabr sebagai fonem boleh dikenali dengan mudah, contohnya bahasa Finland dan Czech. Al-Nabrnya ialah pada setiap suku kata yang pertama, bahasa Poland pula, al-Nabrnya terletak pada suku kata sebelum akhir.

Azmin Daud (1997), *Vokal dalam Bahasa Arab Standard: Satu Pemerian Fonologi*. Disertasi Sarjana Fakulti bahasa Moden dan Linguistik Universiti malaya. Menurut beliau terdapat pelbagai cara untuk menentukan tekanan itu bertaraf fonem atau tidak, antaranya ialah dengan melihat kepada unsur distingtif sebagai pembeza



makna. Jika perubahan lingkungan tekanan berlaku pada kata yang sama dan membawa kepada berlakunya perubahan makna, maka tekanan itu dikatakan bertaraf fonem.

Menurut beliau lagi, pembentukan kata dalam bahasa Arab standard adalah melibatkan penggantian vokal, satu vokal yang diganti oleh vokal lain diujung kata dapat menjelaskan fungsi sintaksis yang terdapat dalam rentetan kata tersebut. Penentuan makna bergantung kepada pemilihan vokal yang sesuai, sama ada di tengah atau di hujung kata. Penentuan sebutan standard atau tidak bergantung kepada bagaimana vokal itu diujarkan, panjang atau pendek dan memberi tekanan bunyi keras atau tidak.

Beliau turut menyatakan kepentingan tekanan (al-Nabr) kerana tekanan itu dilihat mempunyai kaitan rapat dengan peranan vokal. Menurut beliau vokal merupakan nukleus dalam setiap suku kata yang bersifat nyaring dan di situ jugalah berlakunya tekanan artikulasi, oleh itu panjang atau pendek vokal dikatakan memainkan peranan yang penting dalam menentukan posisi dan lingkungan tekanan dalam satu-satu suku kata itu. Beliau juga membincangkan tentang posisi (posisi al-Nabr) lingkungan tekanan, vokal dikatakan berperanan dalam menentukan posisi lingkungan tekanan keras (al-Nabr al-Ra'i:siyy) ketika sesuatu kata itu dilafazkan.

Beliau juga membahagikan posisi lingkungan tekanan kepada empat, iaitu; tekanan pada akhir kata, tekanan pada suku kata sebelum akhir, tekanan pada suku kata ketiga dari akhir kalimah dan tekanan pada suku kata yang keempat juga dari akhir kalimah. Menurut beliau lagi vokal pendek dalam suku kata terbuka yang hadir dalam semua lingkungan akan memindahkan tekanan keras menghala ke hadapan.

Suku kata tertutup yang bervokal panjang dan yang bervokal pendek serta konsonan panjang sebelum kesenyapan memerlukan tenaga tekanan artikulasi yang lebih banyak. Hal ini menurut beliau akan menyebabkan bunyi ujaran itu lebih nyaring dan lebih jelas dengan berbanding dengan pola suku kata lain. Suku kata jenis ini hanya hadir dalam lingkungan akhir sahaja. Oleh itu, suku kata jenis ini mendapat keutamaan dalam menentukan tekanan artikulasi.

Emran bin Hj. Bakar (1995) *al-Qira'at al-Qur'a:niyyah Sebagai Satu Aspek Fonologi Bahasa Arab*, Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa Moden dan Linguistik Universiti Malaya menjelaskan bahawa perbezaan antara lahajat dalam bahasa Arab adalah disebabkan oleh daerah artikulasi dan penggunaan organ-organ artikulasi pada sesetengah huruf. Selain berlaku perubahan pada sesetengah huruf vokal, perbezaan rentak pertuturan dan juga perbezaan turut memberi kesan kepada sistem tindak balas antara huruf tersebut. Perbezaan-perbezaan ini menyebabkan terdapat kalimah-kalimah tertentu dalam al-Qur'a:n yang dibaca dengan cara yang berbeza yang boleh menyebabkan posisi al-Nabr dalam perkataan sukar untuk diaplikasikan kaedahnya. Oleh itu, penyelidik berpendapat cara bacaan al-Qur'a:n tidak diambil kira bagi menentukan posisi al-Nabr dalam kalimah.

Basiron bin 'Abdullah (2008). Kajian oleh beliau membincangkan tentang al-Nabr dan al-Tangi:m dalam bahasa Arab dengan mengaplikasikan kaedah al-Nabr dalam ucapan lisan seperti : khutbah agama, bacaan berita dan bacaan qa:ri terpilih, melalui kaedah pendengaran beliau mengenal pasti posisi al-Nabr (bacaan yang bernada tinggi pada setiap suku kata) dan ditandakan dalam teks yang disediakan, seterusnya beliau membuat banding beza cara sebutan oleh individu tersebut dengan kaedah al-Nabr.

Cara bacaan seseorang itu boleh merubah posisi al-Nabr, selain tahap kesahan dan ketelitian ketika mendengar dan menentukan posisi al-Nabr mungkin boleh boleh mempengaruhi dapatan kajian. Oleh itu, penyelidik memilih untuk menentukan posisi al-Nabr dalam kalimah berdasarkan jenis-jenis dan bentuk suku kata dengan mengabaikan cara bacaan.

Kha:lid ‘Abd al-Halim Hasyim al-Abasiyy (2007) *al-Nabr fi: al-Arabiyyah wa Tatbiqa:tuhi fi al-Qur’a:n al-Kari:m*, Risalah Majester Ja:miah Sona:’, al-Ja:miah al-Yamen. Menurut beliau terdapat kelemahan dalam penyusunan kaedah al-Nabr oleh linguis moden dari segi metodologi dan ketelitian kaedah, kerana bagi beliau tidak ada satu ukuran yang tetap yang boleh digunakan bagi mengenal pasti bagaimana al-Nabr digunakan masa dahulu. Campur aduk yang berlaku antara bahasa Arab Fushah dan ‘Ammiyyah menyukarkan lagi usaha para ilmuan dan linguis dalam menentukan kaedah al-Nabr.

Beliau turut membicarakan tentang al-Nabr dan al-Qura:n dengan mengutarakan pendapat-pendapat para ilmuan dalam bidang tajwid. PerbaHasan tentang al-Nabr dalam al-Qura:n oleh ilmuan terdahulu menurut beliau hanya menjurus kepada penentuan kata dasar dan mengenal pasti huruf-huruf tambahan yang terdapat dalam perkataan, tanpa membincangkan peranan dan kaedah al-Nabr seperti yang diperdebatkan oleh para linguis moden.

Beliau juga berpendapat bahawa istilah al-Nabr digunakan oleh linguis sebagai merujuk kepada bunyi hamzat, Ilmuan Tajwid pula menggunakan istilah al-Nabrah dengan penambahan Ta’ al-Ta’nis bagi merujuk kepada bunyi yang terhasil daripada huruf qalqalah.

Perbezaan pendapat para ilmuwan dan linguis berkaitan penggunaan istilah al-Nabr dan istilah-istilah lain yang dikatakan sinonim dengan al-Nabr dalam bahasa Arab, berpunca daripada takrifan mereka yang berbeza terhadap istilah dan pembahagian al-Nabr itu sendiri. Oleh itu beliau telah membahagikan al-Nabr kepada:

- a) Al-Nabr al-Jumaliyy, iaitu tekanan yang dikenakan kepada kalimah tertentu dalam ayat.
- b) Al-Nabr al-Kalamy yang terbahagi kepada:
  - i. Nabr al-Shiddah, yang merupakan tahap tekanan suara ke atas suku kata yang tertentu dalam perkataan, juga dinamakan al-Nabr al-Zafi:riyy, al-Nabr al-Tawattur dan al-Nabr al-Dinami:kiyy.
  - ii. Al-Nabr al-Tawl, iaitu memanjangkan tempoh masa sebutan bagi sesuatu bunyi, juga dinamakan al-Nabr al-Zamaniyy atau Nabr al-Maddah.
- c) Al-Nabr Al-'Infia':liyy, iaitu tekanan suara keatas perkataan atau suku kata tertentu yang digunakan bagi menggambarkan situasi tertentu dan juga gambaran perasaan seseorang.

Walau bagaimanapun Kha:lid 'Abd al-Halim (2007) berpendapat bahawa al-Nabr al-Shiddah yang paling banyak dikaji dan diperdebatkan oleh para linguis terutamanya tentang fungsinya sebagai fonem atau bukan fonem dalam bahasa Arab.

Menurut Kha:lid kaedah al-Nabr tiada asas yang kukuh dalam bahasa Arab kerana tidak ada kaedah khusus yang disusun oleh ilmuwan terdahulu yang boleh

dijadikan panduan untuk digunakan oleh para linguist pada hari ini. Istilah al-nabr telah digunakan secara meluas dalam bidang linguistik seiring dengan perkembangan ilmu linguistik itu sendiri hasil kajian dalam bahasa-bahasa lain, tidak terkecuali bahasa Arab. Beliau berpendapat bahawa al-Nabr dalam bahasa Arab bukan fonem yang membawa perubahan kepada makna, oleh itu tidak ada kaedah khusus bagi al-Nabr sehingga ke hari ini, namun begitu beliau menegaskan bahawa al-Nabr itu tetap merupakan unsur penting dalam ilmu linguistik bahasa Arab yang perlu dikaji.

Beliau telah menggunakan kaedah analisis akustik bagi mengenalpasti kedudukan al-Nabr dalam ayat-ayat al-Qura:n yang dibacakan oleh tiga orang qari yang dipilih dan dibandingkan ketepatan bacaan tersebut dengan kaedah-kaedah al-Nabr yang disusun berdasarkan bentuk suku kata. Dapatan beliau menunjukkan bahawa kaedah-kaedah al-Nabr yang disusun berdasarkan bilangan suku kata, panjang atau pendek, sama ada suku kata terbuka atau tertutup merupakan faktor utama yang membezakan tahap tekanan suara dalam perkataan, sekiranya suku kata yang terdapat dalam perkataan daripada suku kata yang sama bentuk dan jenisnya, maka sewajarnya tidak ada kaedah khusus yang dapat membezakan antara suku kata berkenaan.

Daripada pendapat-pendapat yang diutarakan sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa al-Nabr terdapat dalam semua bahasa di dunia tidak terkecuali bahasa Arab, yang berbeza hanyalah sama ada ianya berperanan sebagai fonem yang membawa perubahan makna atau ianya bukan fonem, tetapi ianya bukanlah sesuatu yang tidak boleh untuk dikaji.

Penyelidik berpendapat bahawa kaedah al-Nabr yang sedia ada wajar dikaji dan diaplikasikan, kerana ianya merupakan satu usaha murni oleh para linguist bagi

mengkaji keindahan aspek fonologi dalam bahasa Arab yang bukan hanya memberi penekanan kepada peranan dan fungsinya dalam penyampaian makna. Kajian ini penting bagi memperlihatkan bahawa kaedah-kaedah al-Nabr yang disusun oleh para linguis Arab sebelum ini boleh diaplikasikan dan digunakan sebagai panduan bagi memperbaiki cara sebutan kalimah-kalimah al-Qura:n dengan lebih fasih.

### **1.7 – Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian dalam bidang fonetik dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah rujukan bagi mengumpul data dan maklumat. Kajian ini merupakan kajian rintis bagi mengenal pasti posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy yang terdapat dalam bahasa Arab dan sebagai satu usaha mengaplikasikan kaedahnya pada surah yang telah dipilih. Kajian melibatkan proses pengumpulan dan analisa data, proses pemangkalan suku kata dan mengenal pasti posisi al-Nabr al-Raie:siyy dan membuat rumusan hubungkait antara tema-tema yang terdapat dalam surah dengan posisi dan kekerapan al-Nabr al-Ra'ie:siy yang terdapat pada setiap patah perkataan surah berkenaan.

Walaupun terdapat banyak pengkaji dan penulis telah membicarakan tentang al-Nabr, namun terdapat beberapa perbezaan dari segi penggunaan kaedah bagi menentukan posisi al-Nabr dalam perkataan. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah al-Nabr yang paling mudah dan disepakati oleh kebanyakan linguis iaitu menggunakan kaedah sedia ada yang telah diselaraskan oleh Daud 'Abduh (1980) untuk diaplikasikan dalam kajian ini

Secara umumnya, kajian ini melibatkan metod pengumpulan dan analisa data dalam usaha mendapatkan maklumat berkaitan isu-isu yang timbul dalam kajian ini.

Langkah pertama yang akan diambil oleh penyelidik ialah membuat kajian kepustakaan bagi mengumpul dan mendapatkan maklumat daripada kajian-kajian lepas yang ada kaitan dengan topik kajian. Antara perpustakaan utama yang akan menjadi tempat rujukan utama sepanjang kajian ini dijalankan ialah:

1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya (UM)
2. Perpustakaan Fakulti Bahasa Dan Linguistik UM
3. Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam, UM
4. Perpustakaan Utama, UIA
5. Perpustakaan UKM
6. Perpustakaan Awam Bangi
7. Perpustakaan Awam Alor Setar

Pada peringkat pertama penyelidikan, penyelidik mengumpul bahan yang sedia ada dengan memilih maklumat yang berkaitan dengan teori, rekabentuk dan dapatan daripada kajian lepas, lalu membuat perbandingan. Penyelidik mengemaskini data-data yang telah dikutip untuk memastikan tiada maklumat yang tercicir. Penyelidik membaca keseluruhan data serta mencatat mana-mana isu-isu yang berbangkit untuk penyemakan semula. Selain daripada mengurus dan menyemak data-data yang lengkap untuk proses analisis seterusnya, penyelidik juga akan menghubungkan data dengan objektif kajian.

Prosedur analisis untuk mencapai objektif dalam kajian ini akan melalui tiga peringkat iaitu; Peringkat Permulaan, Peringkat Penyelidikan dan Peringkat Komprehensif.

Pada peringkat permulaan reka bentuk kajian ini, penyelidik mula memilih dan mengumpul data-data untuk kajian. Penyelidik membaca dan meneliti data dan maklumat yang berkaitan dan membuat ringkasan isi dan catatan awal untuk dibandingkan dengan maklumat yang bakal diperolehi dalam proses pengumpulan data.

Pada peringkat penyelidikan, penyelidik mengenal pasti data-data dan dapatan yang diperolehi adalah relevan dan berkaitan untuk digunakan sebagai panduan untuk kajian ini. Penyelidik menganalisis dan membahagikan data-data tersebut mengikut tajuk yang akan diperbahaskan. Seterusnya penyelidik dapat memfokuskan bagaimana untuk mengendalikan dan mengurus data-data yang telah dikumpulkan.

Pada peringkat akhir, penyelidik menggunakan data untuk bergerak ke tahap interpretasi. Hasil dapatan daripada data yang diperolehi akan dihuraikan dalam bentuk jadual dan statistik. Penyelidik juga menentukan rumusan dan implikasi kepada semua data yang dikajinya. Istilah-istilah fonologi dan nahu bahasa Arab diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan mengekalkan tranliterasi asal, bagi tujuan menjaga keaslian makna istilah-istilah berkenaan.

### **1.7.1 Mengaplikasikan Kaedah Nabr al-Kalimah**

Bagi mengapikasi kaedah al-Nabr dalam surah ‘Abasa, proses pemangkalan dan pengeditan setiap ayat surah dilakukan bagi menentukan jenis-jenis suku kata yang terdapat pada setiap kalimah dalam surah ‘Abasa.

Seterusnya kaedah al-Nabr diaplikasikan pada setiap suku kata dalam kalimah bagi mengenal pasti posisi al-Nabr al-Ra’i:siyy. Oleh kerana Nabr Jumlah dalam bahasa



Arab sudah disepakati oleh para linguist taraf fonem dan fungsinya dalam ayat, maka aplikasi kaedah al-Nabr dalam surah ‘Abasa hanya tertumpu kepada Nabr Kalimah dalam surah berkenaan.

Penyelidik memilih kaedah al-Nabr oleh Ibrahim Anis dan Tamam *Hasan* yang telah diolah semula oleh Daud ‘Abduh untuk diaplikasikan dalam surah ‘Abasa, di samping memastikan ianya mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Bagi menentukan posisi al-Nabr dalam kalimah, penyelidik hanya menasaskan proses ini bagi mengenal pasti posisi al-Nabr al-Ra’i:siyy yang terdapat bagi setiap kalimah dalam surah.

Penyelidik membina jadual berdasarkan hitung kira posisi al-Nabr al-Ra’i:siyy dalam surah yang dibahagikan mengikut tema dan diperjelaskan dalam bentuk jadual dan graf, seterusnya kajian diakhiri dengan analisis diskriptif dan rumusan daripada maklumat-maklumat yang diperolehi.

### **1.7.2 Pemangkalan perkataan**

Syarat-syarat dan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian ketika proses pemangkalan :

1. Ada: al-Ta‘rif dan al-ahruf seperti harf jarr tidak dikira sebagai satu perkataan dan dikecualikan ketika kaedah al-Nabr diaplikasi.
2. Setiap kalimah yang terletak pada akhir ayat dibaca dengan waqaf.
3. Kaedah al-Rasm al-Othmaniyy tidak diguna pakai dalam sebutan.

Namun tanda vokal panjang (mad) diguna pakai bagi menentukan kata dasar.

4. Bacaan bertajwid tidak diguna pakai.

### **1.7.3 Menentukan posisi al-Nabr**

Posisi al-Nabr ditentukan selepas setiap suku kata dikenal pasti melalui proses pengeditan. Pemilihan simbol (K) digunakan bagi menggantikan sebutan konsonan dan simbol digunakan (V) bagi menggantikan sebutan Vokal. Hanya posisi al-Nabr al-Ra'ie:siyy sahaja ditandakan dengan simbol (^) dan digariskan bagi memudahkan posisi al-Nabr dalam setiap perkataan dapat dikenalpasti.

### **1.7.4 Statistik kekerapan dan kedudukan al-Nabr**

Pada peringkat ini penyelidik akan melakukan hitung kira kekerapan posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy dalam setiap kalimah surah dan mengenal pasti pola posisinya mengikut tema-tema yang terdapat dalam surah, data-data yang diperolehi akan disusun dalam bentuk jadual dan graf, seterusnya penyelidik akan menganalisis data-data yang diperolehi bagi membuat kesimpulan dapatan kajian.

## **1.8 - Rangka Kajian**

Penyelidik membahagikan kajian ini kepada lima bab:

Bab pertama: Bab ini merupakan pengenalan kepada disertasi ini. Perkara-perkara yang disentuh ialah pernyataan masalah kajian dan kepentingannya, objektif kajian, persoalan yang timbul, juga skop dan batasan kajian, selain turut diperkatakan tentang kajian lepas yang berkaitan, diikuti dengan metodologi yang digunakan dan pembentukan kerangka untuk kajian ini.

Bab kedua : Bab Kedua mengandungi kajian tentang al-Nabr dalam bahasa Arab. Penyelidik membincangkan pendapat-pendapat tentang konsep dan penggunaan istilah al-Nabr disamping menghuraikan status al-Nabr dalam bahasa Arab serta peranannya

dalam bidang pengajian al-Qur'a:n, ilmu tajwid dan puisi Arab, seterusnya penyelidik mengupas isu-isu dan hujah berkaitan fungsinya dalam bahasa Arab.

Bab Ketiga : Dalam bab ini penyelidik membincangkan tentang bentuk dan kaedah al-Nabr dalam bahasa Arab. Penyelidik menentukan kategori al-Nabr yang terdapat dalam bahasa Arab dan jenisnya, seterusnya membincangkan tentang tahap tinggi rendah sebutan al-Nabr dan posisinya dalam kalimah dan ayat berdasarkan kaedah fonetik dan jenis suku kata serta kesan perpindahan posisi al-Nabr dalam kalimah. Penyelidik juga mengutarakan kaedah-kaedah al-Nabr oleh beberapa linguist dan membandingkannya bagi tujuan mendapatkan kaedah yang paling mudah dan beberapa panduan untuk diaplikasikan dalam kajian ini.

Bab Keempat : Bab ini mengandungi analisis dapatan daripada proses pemangkalan perkataan dan menentukan posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy serta kaitannya dengan tema yang terdapat dalam surah yang dipilih. Setiap kalimah surah akan melalui proses pengeditan mengikut suku-kata, seterusnya jenis-jenis suku kata akan dikategorikan mengikut tema surah untuk dianalisis bagi menentukan pola posisi al-Nabr al-Ra'i:siyy yang terdapat dalam surah dan perkaitannya dengan tema.

Bab Kelima: Bab ini merupakan rumusan dan kesimpulan daripada keseluruhan kajian ini yang mencakupi hasil dan dapatan kajian serta cadangan-cadangan atau saranan yang penting untuk dikemukakan.

## **BAB DUA : KONSEP DAN PERANAN AL-NABR DALAM BAHASA ARAB**

### **2.0 – Pendahuluan**

al-Nabr atau dalam bahasa Inggerisnya “Stress” merupakan satu istilah yang tidak kurang pentingnya dalam bidang linguistik-fonetik seawal bermulanya kajian dalam bidang tersebut sehinggalah ke hari ini. Hal ini kerana ianya merupakan satu fenomena yang diakui terdapat dalam semua bahasa pertuturan global. Perbezaannya hanya dari segi fungsi dan posisi al-Nabr dalam sesuatu bahasa berdasarkan penggunaannya.

Apabila kajian dalam bidang linguistik-fonetik khususnya dalam bahasa Arab giat dijalankan oleh para linguis moden, maka tempiasnya turut melibatkan perbincangan tentang kewujudan al-Nabr serta peranannya dalam bahasa Arab. Oleh itu dalam bab ini penyelidik akan menyentuh perihal status al-Nabr dan peranannya dalam bahasa Arab serta usaha-usaha yang dilakukan oleh para ilmuan Islam terdahulu dalam bidang linguistik-fonetik khususnya yang berkaitan al-Nabr, seterusnya membincangkan konsep dan definisi al-Nabr oleh para ilmuan dahulu dan para linguis moden, di samping membincangkan isu-isu yang menjadi perdebatan para linguis berkaitan permasalahan al-Nabr dalam bahasa Arab.

### **2.1 – Konsep dan Definisi al-Nabr**

#### **2.1.1- Definisi Bahasa**

1. Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006 : 2287) al-Nabr diertikan sebagai mengangkat dan meninggikan suara atau menghamzahkan huruf pada hujungnya atau tekanan (tekanan yang menghasilkan suara yang tinggi).

2. Ibn Manẓūr (1994: 426-458, Lisān al-Arab, Jil 5) : Sesungguhnya al-Nabr bermaksud tekanan suara ke atas huruf, ia juga bermaksud ketinggian suara yang digunakan dalam percakapan.
3. Ibrāhīm Muṣṭafa: (1989: 897) Majma' al-Lughah al-Arabiyyah, al-Mu'jam al-Wasīṭ, huruf al-Nabr ialah hamzat, al-Nabr dalam pertuturan ialah memastikan suku kata tertentu disebut dengan jelas dalam perkataan.
4. Al-Muaddib, al-Qaṣīm bin Ahmad (1987 : 417, Daqa'ik Taṣrif) : al-Nabr merupakan ketinggian suara ketika melafazkan bunyi yang melalui lelangit keras yang paling atas.

### 2.1.2- Definisi Istilah

1. Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (Ibid 2006 : 2287)

*al-Nabr diistilahkan sebagai; mengangkat suara ketika menyebut perkataan yang bergantung kepada huruf-huruf tertentu.*

2. Othman bin Jinniyy (t,t ; 123, al-Khasais, jil 3): membawa riwayat dari al-Farra' :

((وَحَكَى الْفَرَّاءُ عَنْهُمْ : أَكَلْتُ لَحْمًا شَاةً ، فَمَطَلُ الْفَتْحَةِ ، فَأَنْشَاءَ عَنْهُ أَلْفًا))

Dalam ayat di atas kalimah “لَحْمًا” yang merupakan objek, ianya dibaca dengan panjang, sedangkan ianya sepatutnya dibaca pendek “لَحْمٌ”, kerana penuturnya ingin menarik tumpuan pendengar terhadap kalimah berkenaan.

3. Menurut Jean Kantino (1966:194) : al-Nabr merupakan satu proses bagi melengkapkan sebutan suku kata tertentu dalam perkataan, sama ada dengan

menguatkan lagi ketinggian nada, tekanan, tempohnya atau sebahagian daripada unsur-unsur berkenaan pada hela masa yang sama, disebabkan terdapatnya unsur-unsur atau ciri-ciri yang sama bagi suku kata yang terletak bersebelahan dengannya.

4. ‘Abd al-Ṣobu:r Sha:hin (t.t: 25, al-Qira:at al-Qur’a:niyyah fi Dzhu’iy Ilmu al-Lughah al-Hadith): al Nabr :

*Susunan suara yang ringkas terdiri daripada satu atau lebih perkataan yang terhasil daripada rima pernafasan semulajadi serta bertepatan dengan peraturan bahasa dalam membentuk perkataannya.*

5. Loga Mahesan Baskaran (2005: 46) Al-Nabr atau “stress” adalah ciri suprasegmental yang mengiringi perkataan, frasa atau ayat-ayat yang menekankan atau memberi tumpuan kepada elemen-elemen penting di dalamnya, ia adalah tahap kekuatan bunyi dan tekanan suara ke atas suku kata yang diucapkan.

Daripada definisi-definisi bahasa dan istilah bagi al-Nabr sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa, al-Nabr merupakan tekanan suara yang lebih tinggi atau nyata yang dikenakan ke atas suku kata tertentu bagi membezakannya dengan unit-unit suku kata lain yang terdapat dalam perkataan yang sama. Penggunaan tekanan suara pula bergantung kepada maksud yang hendak disampaikan oleh penuturnya.

### **2.1.3 - Konsep al-Hamzaṭ dan al-Nabr**

Para linguist moden dan linguist terdahulu berbeza pendapat dalam mengklasifikasikan Hamzaṭ. Para linguist terdahulu bersepakat mengatakan bahawa

hamzaṭ termasuk dalam kategori “al-Asywa:t al-Majhu:rah”. Manakala para linguis moden terbahagi kepada tiga golongan;

1. Golongan yang bersependapat dengan para linguis terdahulu.
2. Golongan yang mengkategorikan al-hamzaṭ sebagai “ al-aswa:t al-mahmu:saṭ”.
3. Golongan yang paling ramai dalam kalangan linguis moden yang berpendapat bahawa hamzaṭ tidak termasuk dalam kedua-dua kategori tersebut ( al-Fawzan, ‘Abd al-Rahman Ibn Ibrahim, 2007 : 23-24).

Terdapat beberapa bukti yang menunjukkan bahawa wujudnya istilah-istilah lain yang digunakan oleh para linguis terdahulu yang hampir menyamai definisi al-Nabr, istilah-istilah tersebut telah pun digunapakai dalam penulisan mereka secara tidak lansung antaranya al-hamzaṭ yang paling banyak digunakan bagi menggambarkan tentang al-Nabr dan fungsinya:

Antara ilmuan terdahulu yang ada menyentuh tentang al-Nabr dan hamzaṭ:

1. Ibn Sina: Abu Ali Husin bin ‘Abd ullah (t.t : 72, Risalah Asba:b Hudus al-Hurf) menyatakan bahawa hamzaṭ itu berlaku hasil daripada tekanan yang kuat pada otot dada kerana kemasukan udara yang banyak.

((أَمَّا الهمزةُ فَإِنَّهَا تَحْدُثُ مِنْ حَفْرِ قَوِيٍّ مِنَ الْحِجَابِ وَعَضَلِ الصَّدْرِ لِهَوَاءٍ كَثِيرٍ))

‘Abd al-Qa:dir (1997: 108) mengatakan bahawa dalam definisi ini, Ibn Sina: tidak membezakan antara al-hamzaṭ dan al-Nabr, al-hamzaṭ merujuk kepada tekanan, sedangkan al-Nabr merujuk kepada tekanan dan penumpuan.

2. Sibawaeh (1988:jil 3: 458)

***“Sebutan hamza adalah dari dada dan ianya dilafazkan dengan kuat”***

3. Ibn Manzur (1993: 426): Hamza itu membawa maksud tekanan suara, tekanan suara dalam percakapan ialah al-hamza. Beliau juga membawakan satu kisah berkaitan penggunaan al-Nabr; telah berkata seorang lelaki kepada Rasulullah s.a.w: Ya: Nabi:allah (يَا نَبِيَّ اللَّهِ) , lalu Rasul S.A.W bers’Abd a : janganlah kamu menyebut namaku dengan Nabr iaitu tidak menggunakan hamza (Ibn Manzur 1993 : 19).

Menurut ‘Abd Sobur Sha:hin (t.t : 28) penggunaan istilah hamza oleh ahli linguistik terdahulu adalah sebagai satu rumuz kepada al-Nabr, iaitu suku kata yang terdapat huruf hamza padanya, perlu dibaca dengan tekanan suara, demi menjaga sifat huruf ini di samping memenuhi fungsi fonetiknya.

‘Abdul al-Qa:dir (1998 : 250) berpendapat bahawa al-Hamza dalam bahasa Arab membawa fungsi bezaan (tabayuniyyah) dan ianya yang menentukan tahap sebutan pada setiap suku kata dalam perkataan sama ada lebih jelas atau tidak, kerana bagi beliau proses pengujaran huruf hamza semestinya melibatkan tekanan, al-Laht dan al-Nabr. al-Hamza merupakan salah satu bentuk al-Nabr yang berfungsi bagi memanjangkan bunyi vokal pendek yang bersebelahan dengan konsonan.

Berdasarkan pendapat oleh ‘Abd al-Qa:dir dan ‘Abd Sobur, terdapat dua hala tuju berbeza berkaitan dengan definisi al-hamza dan al-Nabr yang merujuk kepada fungsinya dalam bahasa Arab berdasarkan konteks linguistiknya. Hala tuju yang pertama menghuraikan al-Nabr dan al-hamza dengan merujuk kepada fungsi fonetiknya (al-Ittiha al-Soutiyy) dan hala tuju yang kedua menghuraikan al-Nabr atau al-Hamza berdasarkan fungsi kontrastifnya (al-Ittiha al-Wazi:fiyy).



Daripada pendapat-pendapat oleh para linguist sebelum ini yang mengaitkan istilah hamzat dengan al-Nabr, penyelidik berpendapat bahawa al-nabr dan hamzat merupakan dua istilah berbeza yang juga mempunyai fungsi yang berbeza, akan tetapi sebutan atau sifat hamzat memerlukan tekanan suara untuk dilafazkan dan tekanan suara itu merupakan ciri utama al-Nabr.

Kesimpulannya al-Nabr ialah tekanan suara pada mana-mana suku kata yang terdapat dalam perkataan, tekanan itu membezakan bunyi suku kata tersebut berbanding suku kata yang lain dalam perkataan yang sama. Perkataan yang mengandungi hamzat atau diibaca dengan hamzat merupakan salah satu contoh al-nabr yang terdapat dalam bahasa Arab dan istilah hamzat tidak membawa maksud al-Nabr.

## **2. 2 Status al-Nabr dalam Bahasa Arab**

Status al-Nabr dalam bahasa Arab telah hangat diperdebatkan oleh para linguist sejak kajian dalam bidang linguistik giat dijalankan sama ada oleh para linguist yang berketurunan Arab mahupun bangsa-bangsa bukan Arab yang berminat mengkaji bahasa tersebut.

Pengkaji seperti Henry Fleisch ( t.t : 49) mengatakan bahawa Nabr al-kalimah tidak terdapat di dalam bahasa Arab, disebabkan tidak banyak bukti yang menunjukkan bahawa istilah berkenaan digunakan secara meluas dalam kajian-kajian oleh para ilmuan terdahulu, sedangkan al-Nabr merupakan unsur fonetik yang terdapat dalam semua bahasa pertuturan di dunia.

Pendapat beliau turut disokong G. Bergstrasser (1982:72) yang mengatakan bahawa tidak ada teks yang dapat kita sandarkan untuk menjadi bukti bagi menjawab persoalan bagaimanakah al-Nabr itu dituturkan dalam bahasa Arab Standard, sama ada dari segi sebutan bahasa itu sendiri, pola dan juga sye‘nya.

Menurut Ahmad Mukhtar ‘Umar (1971: 90) punca para linguis terdahulu mengabaikan al-Nabr dalam penulisan mereka, adalah disebabkan mereka beranggapan bahawa ianya tidak berfungsi sebagai fonem dalam bahasa Arab. Namun menurut beliau hakikat ini bukanlah menafikan kewujudannya dalam bahasa Arab, bahkan ianya wujud dalam setiap bahasa, namun apa yang membezakan fungsinya dalam sesuatu bahasa dengan bahasa yang lain ialah sama ada penggunaannya membawa kepada perubahan makna atau pun tidak.

‘Isam Nur al-Di:n (1992:108) berpendapat bahawa apabila merujuk kepada sumber kajian dan rujukan terhadap hasil penulisan para ilmuan dan linguis terdahulu, ternyata tidak terdapat satu petunjuk pun yang dapat mengesahkan bahawa istilah “al-Nabr” telah digunapakai secara meluas oleh para ilmuan terdahulu dalam karya-karya mereka, berikutan tidak terdapat penjelasan yang terperinci tentang al-Nabr dalam penulisan mereka. Tetapi pada masa yang sama beliau mengakui terdapat penggunaan istilah “al-Nabr” oleh para linguis terdahulu khususnya dalam bidang morfologi bahasa Arab. Contohnya apabila mereka membicarakan tentang alif al-Ta’ni:s al-Mamdu:dah yang terdapat dalam kata nama (isim) , ia dinamakan sebagai al-Alif al-Manbu:raṭ.

Merujuk kepada pendapat-pendapat yang diutarakan oleh Henry Fleisch, G.Bergstrasser, Ahmad Mukhtar ‘Umar dan ‘Isam Nur al-Di:n berkaitan status al-Nabr dalam bahasa Arab, terdapat dua persoalan utama. Pertama; Apakah ulama dan para

linguis terdahulu tidak memberi tumpuan dan penekanan yang sewajarnya terhadap al-Nabr dalam kajian dan penulisan mereka. Kedua; Apakah al-Nabr dalam bahasa Arab merupakan fonem yang membawa perbezaan kepada makna?

Menurut al-Fawzan, ‘Abd al-Rahman Ibn Ibrahim (2007 : 2-5). Melalui aktiviti dakwah dan perdagangan oleh para pendakwah dan pedagang Islam suatu masa dahulu telah menyaksikan pertemuan dan pergaulan mereka dengan bangsa-bangsa lain yang membawa kepada perkembangan Islam ke seluruh pelusuk Semenanjung Tanah Arab. Agama Islam turut tersebar ke negara-negara luar dan telah dianuti oleh pelbagai bangsa yang mewarisi latar belakang bahasa dan budaya yang berbeza. Hal ini menyebabkan banyak kesilapan telah berlaku dari aspek sebutan, bacaan serta pemahaman mereka terhadap bahasa al-Qur’a:n apabila mereka mula mengkaji, menafsir dan menterjemah al-Qur’a:n ke bahasa ibunda masing-masing bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Menyedari betapa seriusnya perkara tersebut, para ilmuan Islam terdahulu mula memberi perhatian kepada bidang linguistik, khususnya ilmu nahu, diikuti dengan ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan bahasa. Pada peringkat permulaan penulisan dan kajian mereka dalam bidang linguistik-fonetik terdapat campur-aduk dengan kajian dalam cabang bahasa yang lain seperti nahu, saraf, mu’jam dan sebagainya. Oleh itu, kebanyakan perbincangan berkaitan fonetik oleh para ilmuan terdahulu tidak disusun dan dibukukan dengan baik. Namun demikian mereka tetap memberikan penekanan kepada dua aspek utama dalam bidang fonetik:

1. Kajian fonetik yang memfokuskan kepada cara sebutan (artikulasi) dan makhraj huruf semata-mata.

2. Kajian fonologi berdasarkan fenomena fonetik yang mempengaruhi cara sebutan sesuatu huruf, berpunca daripada posisi makhraj atau tempat pengujaran yang hampir sama atau unsur-unsur lain yang mempengaruhi cara sebutannya.

Kajian tentang cara sebutan dan makhraj huruf telah diperkenalkan oleh Khalil Ibn Ahmad al-Fara:hi:diyy yang mengkhususkan satu juzuk dalam Mu'jam al-Ain yang membincangkan cara pengujaran dan sifat huruf. Mu'jam beliau juga disusun mengikut urutan makhraj huruf yang bermula dengan huruf al -'Ain. Selain Khalil , muridnya Sibawaeh juga memperkatakan aspek yang sama dalam bukunya “al-Kita:b”, tidak terkecuali Ibn Jinniy dalam bukunya “ Sir Sina:'at al-I'rab” yang menjadi rujukan penting berkaitan ilmu fonetik dalam kajian sejarah bahasa Arab. Namun begitu, skop kajian dalam aspek fenomena fonetik lebih meluas, ianya telah bermula seiring kajian dalam bidang nahu serta sarf, sehinggalah bidang-bidang tersebut terus berkembang dan dikaji secara berasingan.

Kebanyakan ilmuan dan para pengkaji yang muncul selepas itu telah menggabungkan kedua-dua aspek utama kajian fonetik tersebut, seperti mana kajian yang dipelopori oleh para ilmuan tajwid, perbaHasan mereka tidak hanya berkisarkan hukum-hukum tajwid dan cara bacaan al-Qur'a:n serta sebutan yang betul mengikut makhraj semata-mata, bahkan menjangkau perbaHasan tentang fenomena fonetik yang berlaku dalam bahasa Arab.

Mereka turut mengutarakan apa yang dibincangkan oleh para linguis terdahulu dengan lebih terperinci berpandukan contoh-contoh daripada ayat-ayat al-Qur'a:n dengan kepelbagaian kaedah bacaan serta Qira'atnya. Secara tidak langsung, para ilmuan Islam dan para ilmuan terdahulu dari pelbagai bidang telah membuktikan

kesungguhan mereka mengkaji dan membahaskan isu-isu dalam bidang fonetik. Hal ini adalah kerana kajian dan perbaHasan mereka mempunyai matlamat yang sama iaitu membuktikan keindahan dan keistimewaan bahasa al-Qur'a:n yang perlu dipelihara keaslian kaedah sebutan dan makhrajnya.

Menurut ‘Abdul al-Qa:dir (1997: 112) Walaupun al-Nabr tidak dibicarakan oleh para linguis terdahulu secara terperinci, namun terdapat manuskrip dan teks-teks terdahulu yang menyentuh tentang al-Nabr secara tidak langsung atau pun terdapat pelbagai istilah lain yang digunakan membawa maksud dan fungsi yang sama atau hampir sama dengan al-Nabr. Antaranya:

الْهَمْزُ، الْعُلُوُّ، الرَّفْعُ، مَطْلُ الْحَرَكَةِ، الْإِشْبَاعُ، الْإِرْتِكَازُ، الْمَدُّ، التَّوَثُّرُ، التَّضْعِيفُ

Berdasarkan hujah-hujah yang diutarakan di atas, jelas menunjukkan bahawa al-Nabr bukan satu fenomena baru dalam bidang lungistik-fonetik bahasa Arab, hujah-hujah berkenaan menafikan tuduhan yang mengatakan bahawa para ilmunan terdahulu telah mengabaikan aspek fonetik yang penting ini dalam penulisan dan kajian mereka. Malah fungsi al-Nabr dalam bahasa Arab masih lagi dikaji dan diperbahaskan sehingga kini.

### **2.2.1- Al-Nabr, Ilmu al-Qur'a:n dan al-Tajwid**

Melalui kajian oleh Ulama Qira'at dan tajwid terdahulu dalam bidang fonetik, terdapat bukti yang jelas menunjukkan kecenderungan mereka membincangkan dan memperkatakan tentang al-Nabr. Namun, mereka telah menggunakan istilah-istilah lain yang menunjukkan kepada penggunaan al-Nabr.

Seperti mana yang diketahui, Qira'at al-Qur'a:n merupakan sunnah yang diwarisi secara lisan daripada qurra:' terdahulu, diikuti dan diamalkan sehingga ke hari ini, di mana ianya perlu mematuhi tiga syarat utama iaitu:

1. Sah sanadnya kepada Rasulullah s.a.w dan mutawatir dari awal sanad sehingga ke akhirnya.
2. Mengikut tulisan al-Rasm al-Othmaniyy.
3. Mengikut kaedah bacaan Arab yang disepakati

Sekiranya kita meneliti ketiga-tiga syarat yang tersebut di atas, keseluruhannya mementingkan pengambilan dan riwayat bacaan secara lisan, kalam Allah s.w.t yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w telah diriwayatkan dan sampai kepada kita pada hari dalam bentuk asal dan tidak bercanggah dengan bentuk al-Rasm al-Othmaniyy. Dalam erti kata lain, riwayat secara lisan dipastikan sah sanadnya dan diperakukan dalam bentuk tulisan al-Rasm al-Othmaniyy yang menjadi rujukan dan panduan yang mengandungi kaedah-kaedah fonetik dan cara sebutan sesuatu huruf yang membawa kepada perubahan makna yang tertentu, selain berlakunya variasi fonetik dalam proses pengujaran, antaranya al-Nabr . 'Isam Nur al-Din (1992:172)

Sekiranya kita melihat syarat yang ketiga dari pandangan linguistik moden, berpegang kepada kaedah bahasa Arab yang diwarisi sudah semestinya ulama Qira'at juga merupakan golongan yang mahir dan mewarisi bidang fonetik dan cara bacaan yang betul terutamanya apabila kita memperkatakan tentang al-Nabr.

Menurut 'Abd al-Hamid (1983:125) cara bacaan al-Qur'a:n (Qira'a:t) pada masa kini berkemungkinan merupakan kaedah yang dipelajari dan diwarisi daripada qari-qari

terdahulu dan hampir menyerupai cara sebutan bahasa Arab standard yang diwarisi turun-temurun dari generasi terdahulu sehingga ke generasi hari ini. Hal ini membolehkan posisi al-Nabr dikenalpasti dan diaplikasikan dalam bahasa Arab standard .

Zhubyan, Nasy'at Muhammad Reḍa ( 1997: 120) berpendapat bahawa Khalil bin Ahmad telah menggunakan satu simbol unit suara yang digunakan dalam al- Qur'an seperti mana yang digunakan oleh ulama terdahulu iaitu panjang sebutan (al-mad/al - Nabr). Menurut beliau kewujudan al-Nabr mempunyai kaitan dengan penyampaian makna al-Qur'a:n yang bersifat mukjiz dari segi bahasa dan susunan fonetik yang terdapat disebaliknya pengajaran dan hikmah yang tersembunyi.

Menurut 'Isam Nur al-Din (1992:172) hasil kajian oleh pakar-pakar qira:at dan tajwid terdahulu dalam bidang fonetik al-Qur'a:n yang sampai pada kita hari ini menunjukkan bahawa mereka tidak mengabaikan kajian tentang al-Nabr, sebaliknya mereka menggunakan istilah-istilah lain yang dikatakan sinonim dengannya seperti "mad" yang bermaksud panjang bacaan, "irtikaz" yang bermaksud titik tumpu suara, "ishba:'" yang bermaksud melafazkan suatu bunyi dengan sempurna sifatnya termasuk memastikan tekanan suara yang tepat dan mencukupi.

Dalam al-Qur'a:n terdapat beberapa ayat yang menunjukkan pentingnya al-Nabr dalam kalimah al-Qura:n dikaji agar tidak merubah makna sedia ada, antaranya :

al-Asr: 2    إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾

al-Insyira:h: 5    فَلْيَنْصَحْ الْعُسْرَىٰ ﴿٥﴾

Sekiranya kita perhatikan ayat yang pertama, kalimah ( لَفِي ) sekiranya dibaca dengan tekanan atau panjang pada huruf “ lam” ( لَ ) akan membawa kepada makna penafian ( لَا\فِي\ ) , sedangkan makna asalnya ialah penegasan. Begitu juga dalam ayat yang seterusnya, boleh dibaca dengan tiga bentuk, iaitu : ( إِنَّ\مَعَ\ ) tekanan pada huruf “nun” yang menunjukkan penegasan, ( اِنَّمَا ) tekanan atau panjang pada huruf “mim” membawa maksud sesuatu yang terhad, tekanan pada suku kata, ( إِنَّ ) dan panjang pada suku kata ( مَا ) membawa maksud penegasan dan penafian.

Al-Zarqa:niyy ( 1988 : 309) mengatakan bahawa bahasa al-Qur’a:n dari segi lafaznya merupakan ungkapan yang mendalam dan menakjubkan, jelas dilihat pada susunan fonetik dan metafira baHasanya yang indah. Apa yang dimaksudkan dengan susunan fonetik al-Qur’a:n itu ialah ketepatan al Qur’an dan keseragaman pada suku kata yang terbuka dan tertutup, panjang dan pendek nada sebutan yang terhasil membentuk kesinambungan irama yang menakjubkan, menawan setiap telinga yang mendengar bacaannya dengan cara dan kaedah yang tidak mungkin mampu ditandingi oleh bahasa-bahasa yang lain selain al-Qur’a:n.

al-Nabr sebenarnya mempunyai peranan dalam pembacaan al-Qur’a:n, membawa bersamanya maksud yang tersirat dari segi lafaz dan makna, serta membolehkan pembaca menghayati bacaan al- Qur’an dengan tumpuan kepada makna ayat yang dibaca. Penelitian terhadap posisi al-Nabr dalam bacaan membantu dalam memperolehi iktibar dan pengajaran.

Oleh itu, al-Nabr berperanan bagi membantu pendengar menghayati bacaan al-Qur’a:n dan memahaminya, apatah lagi al-Qur’a:n itu mempunyai pelbagai mukjizat yang perlu disingkap dan dikaji, terutamanya dari aspek fonetiknya. Hal ini demikian



kerana setiap surah atau ayat yang diturunkan mempunyai susunan fonetiknya yang tersendiri dengan tujuan yang tertentu serta tema yang saling berkaitan.

### 2.2.2 - al-Nabr dan al-Sye'r

Ibn Jinniyy (t.t:29) mengakui akan kewujudan al-Nabr dalam bahasa Arab dan beliau telah menggunakan istilah “Nabraṭ” seperti mana digunakan oleh kebanyakan ahli linguistik moden. Beliau menjelaskan peranan al-Nabr dalam bahasa Arab khususnya sye'r.

*Sudah jelas bahawa satu perkataan itu tidak akan menawan hati pendengar hanya dengan satu bentuk tekanan suara, tetapi sebaliknya kepelbagaian tekanan suara ( al-Nabr) yang digunakan melunakkan sebutannya.*

Ibn Jinniyy ( Ibid: 27)

Beliau turut menyatakan bahawa setiap kalimah perlu kepada al-Nabr dan dikenal pasti posisinya, setiap kalimah memliki satu Nabr utama yang dilafazkan lebih jelas berbanding suku kata yang lain dalam kalimah yang sama. Bahagian yang terdapat Nabr itu adalah bahagian yang terpenting dalam kalimah berkenaan. Al-Nabr memperjelaskan susunan suara yang berturutan dan berselang seli tinggi dan rendah alunannya, perkara ini juga berlaku dalam bait sye'r, di mana terdapat alunan dan turutan bunyi yang berselang-seli sama ada tinggi atau rendah dalam susunan kalimah dan suku katanya, kerana turutan suara yang terhasil adalah berdasarkan posisi al-Nabr yang berfungsi mengindahkan bacaan bait-bait sye'r dan membantu dalam penghayatan maknanya.

Jelas di sini menunjukkan bahawa Ibn Jinniyy telah mengenal pasti akan kepentingan al-Nabr dan peranannya dalam bahasa Arab. Namun beliau tidak

menyatakan kepada kita di mana letak-duduknya al- Nabr dalam kalimat atau ayat yang dibicarakan secara spesifik

## 2.3 - Peranan al-Nabr

### 2.3.1 - Fungsi Fonetik

Merujuk petikan yang diriwayatkan oleh Ibn Jinniy (t.t:123, al -Khasa:is, jil 3).

((أَنَّ الْحَرَكَةَ عِنْدَ التَّذَكُّرِ يُمَطَّلَنَ وَذَلِكَ كَقَوْلِهِمْ : عِنْدَ التَّذَكُّرِ مَعَ الْفَتْحَةِ فِي (قُمْتُ) : (قُمْتَا) وَمَعَ الْكَسْرِ (أَنْتِ) : أَنْتِي) وَمَعَ الضَّمِّ (قُمْتُ) : (قُمْتُوْ)).

‘Abd al-Qa:dir (1998:114) mengulas apa yang dikatakan oleh Ibn Jinniy : *Apa yang dimaksudkan dengan al-matol di sini ialah penambahan kekuatan dan tumpuan sama ada dengan ishba:’ atau taz’i:f.*

Ani:s Ibrahim (1979:118) pula mengatakan : Aktiviti semua anggota pertuturan yang berlaku pada masa yang sama, apabila dilafazkan suku kata yang mempunyai tekanan suara (al-Nabr), semua anggota pertuturan berfungsi secara maksima dan mengaktifkan otot-otot peparu dan juga menguatkan getaran pita suara serta mendekatkannya bagi mengurangkan kadar pergerakan udara dan menguatkan getaran lalu menghasilkan suara yang tinggi dan jelas kepada pendengar.

Di sini, dapat disimpulkan bahawa walaupun terdapat pelbagai istilah yang digunakan oleh para linguist terdahulu dan linguist moden bagi menerangkan fungsi fonetik bagi al-Nabr, namun mereka bersependapat bahawa dalam proses pertuturan seseorang akan berlakunya tekanan dan ketinggian suara pada suku kata tertentu dalam

perkataan. Proses ini sudah semestinya memerlukan tenaga dan tindak balas semua anggota pertuturan pada masa yang sama bagi menghasilkan bunyi yang dikehendaki.

### 2.3.2 - Fungsi Bezaan Makna

Walaupun ahli linguistik terdahulu merasakan bahawa al-Nabr tidak memberi sekarang kesan kepada pembentukan perkataan dan strukturnya, tetapi kita mendapati sebahagian daripada mereka menggambarkan tentang peranannya dalam membezakan antara unit-unit suku kata yang terdapat dalam perkataan, seperti mana yang digambarkan oleh Ibn Jinniyy:

(( التَّطْوِيحُ وَالتَّطْرِيحُ، وَالتَّفْخِيمُ، وَالتَّعْظِيمُ، مَا يَقُومُ مَقَامَ قَوْلِهِ: طَوِيلٌ أَوْ نَحْوُ ذَلِكَ، أَنْتَ تَحْسِبُ هَذَا مِنْ نَفْسِكَ، إِذْ تَأَمَّلْتَهُ وَذَلِكَ أَنْ تَكُونَ فِي مَدْحِ إِنْسَانٍ وَالثَّنَاءِ عَلَيْهِ، فَتَقُولُ: كَانَ وَاللَّهِ رَجُلًا، فَتَزِيدُ فِي قُوَّةِ اللَّفْظِ، وَتُمْكِنُ فِي تَمْطِيطِ اللَّامِ وَإِطَالَةِ الصَّوْتِ))

Ibn Jinniyy (t.t : 370-371, al-Khasa:is , Jil : 2).

Menurut ‘Abd al-Qa:dir (1997: 119) istilah-istilah yang digunakan oleh Ibn Jinniyy merujuk kepada penggunaan pelbagai istilah yang membawa maksud dan fungsi yang sama dengan al-Nabr, istilah-istilah berkenaan membawa maksud perbezaan dari segi panjang dan tinggi tekanan suara yang dikenakan pada suku kata tertentu supaya lebih jelas sebutannya dalam perkataan serta dapat dibezakan oleh orang yang mendengar.

Berdasarkan definisi-definisi al-hamzat dan al-Nabr sebelum ini, yang merujuk kepada fungsi kontrasif dan fungsi fonetiknya. Kajian ini berpendapat sifat bunyi bagi hamzat atau huruf-huruf yang lain merupakan al-Nabr. Sekiranya dikenakan tekanan

dan tumpuan pada suku kata tertentu dalam suatu perkataan ketika dilafazkan, kerana al-Nabr itu sendiri merupakan tekanan suara pada mana-mana suku kata. Ianya tidak terhad kepada tekanan suara pada sebutan huruf-huruf tertentu sahaja, bahkan selagi tekanan suara digunakan untuk membezakan tinggi rendah sebutan suku kata tertentu mengikut maksud yang dikehendaki oleh penuturnya, maka ia adalah al-Nabr atau memiliki sifat al-Nabr.

Menurut ‘Abd al-Qa:dir ( 1998: 117 ), hakikat al-Nabr bermula daripada struktur hamzaṭ dalam bahasa Arab, sifat fonetik dan fungsi bezaan yang dibawanya serta bagaimana ianya diaplikasikan ketika proses pertuturan, hamzaṭ juga merupakan bunyi yang paling asas dalam bahasa Arab. Jelas bahawa al-Nabr dan hamzaṭ memiliki satu unsur yang sama dalam proses pertuturan , iaitu penggunaan tekanan suara pada suku kata yang tertentu. Tekanan ini merujuk kepada tindak balas keseluruhan anggota pertuturan pada masa yang sama iaitu : paru-paru dan otot dada, lelangit lembut, dwi bibir dan lidah yang menyebabkan berlakunya pembukaan pita suara yang lebih luas.

## **2.4 Kesimpulan**

Para linguis terdahulu tidak banyak menggunakan istilah al-Nabr dalam kajian dan penulisan mereka sebelum ini, tetapi ini tidak menunjukkan bahawa mereka tidak peka atau tidak menyedari akan kewujudan al-Nabr dalam bahasa Arab, kerana terdapat beberapa istilah-istilah lain yang digunakan mereka memabawa maksud dan fungsi yang sama dengan al-Nabr.

Al-Nabr merupakan istilah baru dalam bidang linguistik-fonetik Arab yang diperkenalkan oleh ahli-ahli linguistik moden yang dipelopori oleh Anis Ibrahim, Daud ‘Abduh dan juga Tamam *Hasan* dan ramai lagi linguis moden selepas mereka. Hasil

daripada kajian dan penelitian mereka terhadap penulisan dan kajian oleh ulama- ulama terdahulu berkaitan bidang linguistik-fonetik, maka istilah al-Nabr telah menjadi populer dan digunakan sehingga ke hari ini. Sedangkan dalam kajian-kajian dan penulisan ulama terdahulu, istilah al-Nabr lebih sinonim dengan kalimah al-Hamza atau istilah-istilah lain yang mempunyai ciri dan definisi yang hampir sama.

Al-Nabr telah dibuktikan terdapat dalam bahasa Arab terutamanya Nabr al-Jumlah tetapi apa yang menjadi pertikaian kebanyakan para linguis ialah fungsi al-Nabr dalam kalimah. Sebahagian linguis moden berpendapat bahawa ianya bukan fonem yang membawa fungsi bezaan dalam bahasa Arab, namun sebahagian mereka menyatakan terdapat banyak bukti daripada ayat-ayat al-Qur'a:n dan teks-teks oleh ulama terdahulu yang menunjukkan bahawa istilah al-Nabr telah digunapakai sebelum ini, selain terdapat istilah-istilah lain yang sinonim dengannya.

## **BAB TIGA : BENTUK DAN KAEDAH AL- NABR DALAM BAHASA ARAB**

### **3.0 – Pendahuluan**

Dalam bab ini penyelidik akan membincangkan tentang bentuk-bentuk al-Nabr yang terdapat dalam bahasa Arab serta pembahagiannya, tahap-tahap al-Nabr dan kaedah-kaedah yang digunakan bagi menentukan posisi Nabr kalimah serta isu-isu yang berkaitan dengannya.

### **3.1- Bentuk dan Pembahagian al-Nabr**

Terdapat dua jenis al-Nabr dalam bahasa- bahasa pertuturan di dunia, iaitu Nabr al-Kalimah dan juga Nabr al-Jumlah. Nabr al-Kalimah terbahagi kepada dua bentuk. Bentuk yang pertama ialah Nabr tetap, yang kebiasaannya terletak pada suku kata tertentu dalam unit-unit Nabr, posisinya tetap walaupun fungsinya berubah dalam jumlah, ianya tidak digunakan untuk membezakan makna tetapi sebagai satu unit fonetik yang membezakannya dengan unit-unit fonetik yang lain dalam sesuatu ungkapan atau perkataan. Keduanya; Nabr bebas, yang berperanan membawa fungsi bezaan terhadap makna dalam perkataan. Posisinya bebas dalam perkataan bergantung kepada tujuan penuturnya.

Nabr al-Jumlah pula ialah Nabr yang hanya terletak pada perkataan-perkataan tertentu dalam ayat dan posisinya juga berubah mengikut tujuan sesuatu ungkapan dan maksud yang hendak disampaikan.

#### **3.1.1 Nabr al-Kalimah**

Menurut ‘Abd al-Qa:dir (1998:242-245) Nabr kalimah dalam bahasa Arab terhadap fungsinya untuk membezakan antara bunyi suku kata- suku kata yang perlu dilafazkan

sama ada dengan tekanan suara yang lebih tinggi atau rendah dalam sesuatu perkataan walaupun tanpa membawa sebarang fungsi bezaan bagi makna perkataan tersebut, berbeza dengan Nabr jumlah yang digunakan bagi menjelaskan sebutan perkataan tertentu dalam ayat bagi menggambarkan maksud penuturnya.

Jean Kantino (1966:195) berpendapat bahawa bahasa Arab sememangnya menggunakan al-Nabr dalam perkataan dan ayatnya, tetapi kebanyakannya tidak membawa kesan dan perubahan kepada makna yang hendak disampaikan. Oleh itu, kebanyakan pakar-pakar bahasa Arab tidak membicarakan tentangnya.

Namun, Ahmad Muhktar ‘Umar ( 2006 : 361), berpendapat bahawa terdapat contoh-contoh al-Nabr yang digunakan bagi membezakan makna dan pada masa yang sama ianya menunjukkan bahawa bangsa Arab terdahulu telah menggunakannya bagi membezakan makna-makna yang tertentu:

Kari;mu al-Khuluq	$\begin{array}{c} \text{كَرِيمُ الْخُلُقِ} \\ \text{KV}^{\wedge} + \text{KVV} + \text{KVK} / \text{KV} + \text{KV} + \text{KV} \end{array}$
Kari:mu: al-Khuluq	$\begin{array}{c} \text{كَرِيمُو الْخُلُقِ} \\ \text{KV} + \text{KVV} + \text{KVVK}^{\wedge} + \text{K V} + \text{KV} + \text{KV} \end{array}$

Oleh itu, bagi membezakan lafaz jamak dan mufrad dalam kedua-dua ayat di atas ialah dengan menggunakan al-Nabr. Al-Nabr pada suku kata pertama menunjukkan satu, manakala Nabr pada suku kata ketiga menunjukkan jamak.

لَيْلَى

Laila:

لَيْلَاءُ

Laila:’

Menurut beliau perbezaan antara dua perkataan di atas ialah penggunaan Nabr (hamzat) yang membezakan cara sebutan.

Selain itu, terdapat istilah-istilah lain yang juga digunakan bagi menerangkan penggunaan Nabr kalimah mufradah (tekanan suara dalam perkataan tunggal) dalam bahasa Arab:

1. Nabr Tamki:n, iaitu pertuturan menggunakan bunyi suku kata, dan mengaplikasikannya ke atas suku kata tertentu berbanding suku kata yang lain dalam perkataan yang sama, sekiranya perkataan itu terdiri lebih daripada satu suku kata maka setiap bunyi bagi suku kata itu perlu dilafazkan dengan sempurna makhraj dan sifatnya.
2. Nabr Ṭaul, ianya berlaku ketika bunyi dipanjangkan pada suku kata tertentu melebihi kebiasaannya, seperti : شَايَةٌ – دَائِيَّةٌ
3. Nabr ‘Uluw, berlaku ketika suara diangkat lebih tinggi pada suku kata tertentu berbanding suku kata yang lain dalam perkataan yang sama bagi membezakannya dengan yang lain.
4. Nabr Istibdal atau Qalb, berlaku apabila suara atau bunyi yang lemah digantikan dengan bunyi lain yang lebih kuat dan diterbalikkan, Ibn Jinny menamakannya al-Hamz al-Murtajal (al-Khasa:is jil 3 :142-144), contohnya:



شَابَةٌ - دَابَّةٌ - أَسْوَدٌ - أَحْمَرٌ

Digantikan dengan شَابَةٌ - دَابَّةٌ - أَسْوَدٌ - أَحْمَرٌ ( al-Khaṣa:is jil 3 :126-148).

Nabr ini juga dinamakan al-Nabr al-Hamzy, kerana ianya berlaku apabila hamzat ditambah antara dua bahagian bukaan yang panjang kepada dua bukaan yang pendek. (Ahmad ‘Abd al-Tawwab1991:177-180).

### 3.1.2 - Nabr al-Jumlah

Sekiranya kita membincangkan dari aspek kontrasif bagi al-Nabr, maka fungsinya terhad pada kesannnya terhadap perubahan makna. Oleh itu, wajar kita mengkategorikannya dalam membantu penyampaian makna kerana ianya membantu bagi menerangkan maksud sesuatu ungkapan dengan lebih jelas dan ianya dinamakan Nabr Jumlah.

Nabr Jumlah juga dinamakan Nabr Siyaq (ungkapan) (‘Abd al-Qa:dir 180:177), kerana ianya berlaku dalam bentuk-bentuk ungkapan yang tertentu. Seseorang penutur akan meninggikan suara pada perkataan tertentu berbanding perkataan-perkataan lain dalam ungkapannya bertujuan untuk mengukuhkan hujahnya atau menunjukkan kepada maksud yang dikehendaki ( Ani:s Ibrahim 1979 : 122).

Tujuan bagi setiap ungkapan dan maksudnya mungkin berbeza bergantung kepada keadaan yang pelbagai, antaranya ungkapan yang digunakan bagi tujuan penetapan, penafian, pertanyaan, penegasan atau pun untuk tujuan-tujuan lain melalui penggunaan tekanan suara yang lebih tinggi (posisi Nabr) pada kalimah tertentu dalam ayat, contohnya:

أَحْضَر أَخُو مُحَمَّدٍ أَمْسٍ؟

Tujuan ungkapan berkenaan diajukan mungkin berbeza sekiranya tekanan suara dikenakan pada perkataan tertentu, sekiranya tekanan suara dikenakan pada perkataan (حَضَرَ) ianya menunjukkan keraguan berlakunya perbuatan berkenaan dan seakan kita ingin memastikan perbuatan tersebut benar-benar berlaku. Sekiranya tekanan suara dikenakan pada perkataan (أَخُو) seolah-olah kita ingin memastikan siapakah yang melakukan perbuatan tersebut, dan sekiranya tekanan suara dikenakan pada perkataan (أَمْسَى) seolah-olah kita ingin memastikan masa berlakunya perbuatan tersebut.

### **3.1.3 - Nabr al-Ilhah / al-Taqa:buliyy**

Selain daripada Nabr Kalimah dan Nabr Jumlah, menurut al-Khu:liyy (1990 :168) beberapa pengkaji bahasa mengatakan bahawa terdapat satu lagi jenis al-Nabr dalam bahasa Arab, iaitu Nabr al- ilhah atau al-taqa:buliyy. Menurut Basam Barakat (t.t : 119) Nabr ini dikhususkan untuk tujuan penafian dan penegasan, ianya berkait rapat dengan tindak balas dan cara pertuturan seseorang.

Namun menurut Ani:s Ibrahim (1979:119) istilah yang digunakan itu adalah sinonim dengan Nabr jumlah kerana sebahagian ahli linguistik tidak membezakan antara kedua-dua istilah tersebut, kerana tekanan suara pada ayat-ayat tertentu dalam bahasa Arab akan berubah berdasarkan cara sebutan serta ungkapan seseorang itu yang didorong oleh keadaan serta tindak balas emosinya ketika itu.

### **3.2 – Posisi dan Tahap-Tahap al-Nabr**

Ani:s Ibrahim (1979:119) menyatakan bahawa kita tidak memiliki sebarang bukti yang dapat membantu bagi menentukan posisi al-Nabr dalam bahasa Arab seperti mana ianya telah dituturkan pada awal era kemunculan Islam. Hal ini adalah kerana tidak ada seorang pun pengarang terdahulu yang berbicara tentangnya dalam karya mereka. Namun hakikatnya bahasa Arab mempunyai peraturan yang tertentu berkaitan al Nabr,

walaupun cara sebutannya tidak terdapat di dalam riwayat, namun ianya dapat dikenalpasti melalui penelitian terhadap kaedah bacaan al-Qur'a:n yang diwarisi daripada ulama dan qurra' terdahulu.

Pendapat beliau turut disokong oleh Hila:l ( 1988 ), menurut beliau walaupun tidak dapat dipastikan bagaimana caranya masyarakat Arab terdahulu menggunakan al-Nabr dalam pertuturan mereka, tetapi dengan membuat perbandingan bacaan al-Qur'a:n mengikut kaedah-kaedah yang diwarisi dan disepakati sehinggalah ke hari ini, membolehkan kita meneliti kaedah dalam menentukan bentuk dan posisi al-Nabr dalam bahasa Arab.

Beliau turut menyatakan bahawa al-Nabr dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua. Pertamanya ialah al-Nabr dalam perkataan dan keduanya dalam ayat. Menurut beliau bentuk-bentuk al-Nabr yang terdapat dalam perkataan dapat ditentukan berdasarkan suku katanya, posisi al-Nabr akan berubah mengikut bilangan suku kata dan cara sebutan setiap huruf, contohnya perkataan-perkataan yang mempunyai tiga suku kata, al-Nabr ialah pada suku kata yang pertama dan posisinya ialah di awal perkataan, seperti :

سَلَمَ /Sa/la/ma/, فَتَحَ /Fa/ta/ha/, عَزَمَ /'A/za/ma , غَمَرَ /Gha/ma/ra/

Al-Nabr dalam ayat pula merujuk kepada tekanan suara yang dikenakan pada perkataan tertentu berbanding perkataan lain dalam ayat yang sama bergantung kepada cara sebutan dan maksud yang hendak disampaikan oleh penutur.

Dalam setiap proses pertuturan atau pengujaran bahasa, sudah menjadi satu kelaziman kadar tinggi-rendah suara yang digunakan sentiasa berubah-ubah sama ada ketika menyebut suku kata tertentu dalam perkataan atau ketika menyebut perkataan

tertentu dalam ayat. Aktiviti pertuturan ini akan menyebabkan berlakunya pertambahan pada kekuatan suara dan lebih jelas, lebih panjang serta tinggi intonasinya yang membezakan antara suku kata atau perkataan dalam ayat (Ani;s Ibrahim, 1979 : 119).

Menurut ‘Abd al-Qa:dir (1997: 128), al-Nabr dalam bahasa Arab melibatkan perbezaan dari segi sebutan tinggi atau rendah berdasarkan kekuatan tekanan yang dikenakan pada suku kata atau perkataan . Ianya boleh kategorikan kepada tiga bentuk, iaitu al-Nabr yang kuat, sederhana, dan lemah. Selain itu, posisi al-Nabr juga boleh berubah dan berpindah dari suku kata ke suku kata yang lain dalam perkataan yang sama atau dari satu perkataan ke perkataan yang lain dalam ayat yang sama bergantung kepada tujuan dan cara sebutan penuturnya.

Ketika proses pertuturan, setiap bunyi atau suku kata yang dikenakan tekanan memerlukan tenaga yang lebih berbanding bunyi dan suku kata yang lain dalam perkataan atau ayat yang sama, hasilnya tekanan suara yang digunakan berbeza dari segi fokus dan kejelasannya serta tahap tinggi-rendah tekanan suara yang digunakan berbanding dengan suku kata atau susunan perkataan lain yang terdapat dalam perkataan atau ayat yang sama berdasarkan prinsip:

1. Al-Buru:z
2. al-Wudu:h
3. Al-Irtika:z

Ketika melafazkan suku kata atau perkataan tertentu dalam ayat, para ahli linguistik telah membahagikan al-Nabr kepada empat tahap yang berbeza mengikut tinggi rendah tekanannya, iaitu;

1. al-Nabr al-Raie:siyy dan simbolnya ( ^ ), yang juga dinamakan al Nabr al-Qawiyy.
2. al-Nabr al-Tha:nawiyy dan simbolnya ( - ) kadar rendah sedikit berbanding al-Nabr al-Ra'i:siyy.
3. al-Nabr al-Tha:lithiyy dan simbolnya ( ' ) lebih rendah kadarnya berbanding al-Nabr al-Tha:nawiyy.
4. Al- Nabr al-Da'i:fiyy dan simbolnya ( o ), merupakan yang paling lemah (‘Abd al-Qa:dir 1997 :126).

Namun terdapat juga sesetengah pengkaji yang membahagikan tahap-tahap Nabr tadi kepada tiga dengan mengabaikan al Nabr al-Ttha:lithiyy dan ada juga yang menggunakan dua tahap sahaja iaitu al-Nabr al-Ra'i:siyy dan al-Nabr al-Da'i:fiyy bagi memudahkan mereka mengkaji dan mengaplikasikan kaedah-kaedahnya

Menurut al-Khuliyy (1990 : 163-164) al-Nabr yang dibahagikan kepada empat tahap adalah yang paling tepat tetapi agak sukar untuk dibezakan dalam kajian ilmiah, berbanding pembahagian al-Nabr kepada dua tahap yang lebih mudah untuk diaplikasikan. Namun pembahagian al Nabr kepada tiga tahap adalah lebih baik dan paling banyak digunakan.

Contoh pembahagian dua tahap al-Nabr:

1. Perkataan yang terdiri daripada satu suku kata Nabr utamanya ialah pada suku kata berkenaan.
2. Perkataan yang terdiri daripada dua suku kata, Nabr utamanya pada suku kata pertama dan suku kata yang kedua adalah Nabr lemah.

3. Perkataan yang terdiri daripada tiga suku kata, Nabr utama pada suku kata kedua dan Nabr lemah pada suku kata pada yang selebihnya ('Abd al-Qa:dir 1997:127).

Menurut Ahmad Mukhtar Umar (2006 : 222) dengan merujuk kepada pembahagian tahap-tahap Nabr yang berkenaan, agak sukar bagi pendengar untuk membezakan tahap-tahap tersebut kerana kekuatan dan ketinggian suara merupakan unsur fonetik yang selalu digunakan dalam ungkapan, berkemungkinan suku kata yang mempunyai Nabr utama menjadi lebih rendah berbanding suku kata yang mempunyai Nabr lemah.

Penyelidik berpendapat penyusunan dan pemilihan kategori tahap-tahap Nabr untuk diaplikasikan dalam mana-mana kajian adalah bergantung kepada tahap kemampuan dan kepakaran masing-masing bagi mengenal pasti posisi al-Nabr dalam ayat atau perkataan serta kemampuan mengklafisikan tahap-tahapnya dengan menggunakan kaedah-kaedah sedia ada.

### **3.3 - al-Nabr dan Suku kata**

Setelah membincangkan tentang kepentingan al-Nabr dan peranannya dalam bahasa Arab jelas menunjukkan kepada kita istilah al-Nabr itu kerap kali dikaitkan dengan “ al-maqta' ” ( المقطع ) atau silabel. Hal ini kerana al-Nabr mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan struktur suku-kata yang terdapat dalam bahasa Arab. Oleh itu, bagi membolehkan kita berbicara dengan lebih lanjut tentang posisi al-Nabr, maka sewajarnya kita perlu memahami dengan jelas struktur dan bentuk suku kata yang terdapat dalam bahasa Arab kerana ianya akan digunakan bagi menentukan posisi al-Nabr dalam bahasa Arab.

### 3.3.1 Definisi “ al-Maqta’ ”

Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006 : 19022) “al Maqta ( المقطع )” dari sudut baHasanya bermakna bahagian atau tempat yang dipotong. Dari sudut linguistiknya pula, ia bermaksud unit suara yang terdiri daripada sekurang-kurangnya satu konsonan di samping ada andaian satu konsonan bunyi atau lebih sebelum konsonan itu atau sesudahnya atau sebelum dan selepas konsonan itu.

Menurut Ibrahim Mustafa: (1989 : 746, al-Mu’jam al-Wasi:t) “al-Maqta’ merupakan unit-unit fonetik yang membentuk perkataan, sama ada ianya menghasilkan bunyi terbuka atau tertutup. Suku kata terbuka terdiri daripada huruf yang berbaris pendek atau panjang mana kala suku kata tertutup terdiri daripada huruf berbaris yang diikuti dengan baris mati (sukun).

Menurut Jean Kantino (1966:191), pengujaran perkataan dan ayat merupakan proses bagi menghasilkan susunan fonetik yang berturutan. Ianya melibatkan aktiviti penutupan dan pembukaan anggota pertuturan secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, sela masa atau tempoh yang diperlukan ketika proses ini berlaku membawa kepada terbentuknya suku kata.

Berdasarkan definisi suku kata yang terdapat dalam mu’jam dan huraian proses pengujaran perkataan oleh Kantino, jelas menunjukkan bahawa setiap perkataan yang disebut atau dilafazkan, pastinya melibatkan aktiviti pembukaan dan penutupan anggota pertuturan dengan tempoh dan sela masa tertentu yang membentuk unit-unit suara atau fonem yang membentuk suku kata dalam perkataan.

### 3.3.2 - Pembahagian suku kata dalam bahasa Arab

Menurut ‘Abd al-Qa:dir (1997: 83-85), kalimah dalam bahasa Arab sama ada dalam bentuk Ism atau fe‘l, kata tunggal tanpa huruf tambahan (mujarradat) atau kata yang mempunyai penambahan huruf (ziya:dat) terdiri daripada suku kata yang tersusun fonemnya. Suku kata dalam bahasa Arab diklasifikasikan mengikut:

1. Bilangan suku kata yang terdapat dalam perkataan.
  - a) Suku kata tunggal ( عَن ) KVK
  - b) Dua/dwi suku kata ( اُكْتُبُ ) KVK + KVK
  - c) Tiga suku kata ( كَاتِبُ ) KVV + KVK ketika bacaan henti, atau KVV+ KV + KVK bagi bacaan tanpa henti.
  - d) Empat suku kata ( مَدْرَسَةٌ ) KVK + KV + KVK ketika bacaan henti, atau KVK + KV + KV + KV bagi bacaan tanpa henti.
  - e) Lima suku kata ( اِحْتِفَالَاتٌ ) KVK + KV + KVV = KVVK ketika bacaan henti atau KVK + KV + KVV + KVV + KV bagi bacaan tanpa henti.
  - f) Enam suku kata ( اِسْتَقْبَالَتِهِمْ ) KVK + KVK + KVV+ KVV+KV+KVK ketika bacaan henti atau KVK + KVK + KVV+ KVV+KV+KV+KV+KV bagi bacaan tanpa henti.
  - g) Tujuh suku kata ( اِسْتَقْبَالَتِهِنَّ ) KVK + KVK + KVV+ KVV+KV+KV+ KVK ketika bacaan henti atau KVK + KVK + KVV+ KVV+KV+KVK+KV bagi bacaan tanpa henti.
2. Vokal panjang atau pendek dan terbuka (voices) atau tertutup (voiceless) yang terdiri daripada:



- a) Suku kata kecil atau pendek, juga dinamakan suku kata terbuka yang bermula dengan satu huruf konsonan dan diakhiri dengan satu vokal pendek (KV).
- b) Suku kata sederhana, sama ada ianya merupakan suku kata terbuka sekiranya diakhiri dengan vokal panjang (KVV) atau suku kata tertutup jika diakhiri dengan satu konsonan (KVK).
- c) Suku kata panjang yang merupakan suku kata tertutup yang bermula dengan satu konsonan diikuti dua vokal dan diakhiri dengan satu konsonan (KVVK) atau suku kata yang bermula dengan konsonan diikuti satu vokal dan diakhiri dengan dua konsonan (KVKK).

Kesimpulannya suku kata dalam bahasa Arab sama ada ianya mempunyai bentuk suara/bunyi terbuka atau tertutup, panjang atau pendek sebutannya boleh dibahagikan kepada:

Jenis pertama	:	Suku kata pendek KV
Jenis kedua	:	Suku kata sederhana KVV
Jenis ketiga	:	Suku kata sederhana KVK
Jenis keempat	:	Suku kata panjang KVVK
Jenis kelima	:	Suku kata panjang KVKK
Jenis keenam	:	Suku kata yang paling panjang KVVKK

Namun menurut Daud ‘Abduh (1980:108-129) dua jenis suku kata yang terakhir tidak terdapat dalam bahasa Arab Modern kecuali pada akhir kalimah ketika bacaan berhenti.

### **3.4 – Kaedah-kaedah al-Nabr dalam Kalimah:**

Selain kaedah yang diperkenal oleh Hila:l (1988), terdapat banyak lagi kaedah al-Nabr yang telah diperkenalkan oleh para linguis bagi menentukan bentuk dan posisi al-Nabr dalam bahasa Arab. Namun kaedah Tamam Hasan (1973) dan Ani:s Ibrahim (1979) yang telah diolah oleh Daud ‘Abduh (1980), dilihat lebih sesuai dan mudah untuk diaplikasikan. Beliau telah mengabungkan beberapa kaedah yang sedia ada dan digarap semula dengan susunan dan gaya bahasa beliau yang lebih ringkas dan mudah.

#### **3.4.1 Kaedah Ani:s Ibrahim**

Menurut Ani:s Ibrahim (108-129) untuk mengetahui posisi al Nabr dalam kalimah bahasa Arab, pertamanya perlu dilihat kepada suku kata yang terakhir, sekiranya terdiri daripada jenis yang kelima dan keenam seperti : (مُسْتَعِين - مُسْتَقِر), maka di situ letaknya al Nabr. Seterusnya apabila suku kata kedua sebelum akhir terdiri daripada jenis kedua dan ketiga maka al Nabr posisinya di situ. Sekiranya suku kata dalam jenis yang pertama, maka perlu di lihat pada suku kata sebelumnya, sekiranya dari jenis yang sama (pertama), al-Nabr letaknya pada suku kata yang ketiga dari akhir kalimah dan Nabr tidak akan terletak pada suku kata yang keempat sekiranya kita mengambil kira suku kata yang terakhir kecuali dalam satu keadaan di mana suku kata yang ketiga sebelum akhir terdiri daripada jenis yang pertama seperti: (حَرَكَه - سَمِعَهُ), (Ibid:121).

#### **Ulasan Daud ‘Abduh**

Daud ‘Abduh(1980: 109) membuat ulasan berikut : sekiranya suku kata itu terdiri daripada jenis yang pertama, perlu dilihat kepada suku kata sebelumnya, sekiranya suku kata itu sama jenisnya maka Nabr terletak pada suku kata yang ketiga jika diambil kira posisinya dari akhir kalimah. Jika tidak sama, maka Nabr terletak pada suku kata yang kedua diambil kira dari akhir kalimah, seperti mana contoh yang diberi oleh Ani:s.

Selain itu beliau menyenaraikan beberapa perkara yang diabaikan oleh Ani:s, antaranya; beliau tidak menyenaraikan perkataan yang terdiri daripada suku kata panjang (KVVK), ianya tidak sekadar digunakan hanya pada penghujung suku kata, bahkan ianya boleh berada pada posisi yang berlainan dalam kalimah seperti :

( حَاجَ - حَاجَكَ - مُدَاهِمَةً - ضَالَ - ضَالَةً - تَحَابَ - تَحَابَتَا )

Daud ‘Abduh juga telah mengabaikan perkataan yang berakhir dengan suku kata paling panjang ( KVVKK) ketika bacaan waqaf seperti ( ضَالَ- تَحَابَ - مُدَاهِمَ ... ), (Daud ‘Abduh, 1980 : 111 ).

Daud ‘Abduh telah mengolah dan menyelaraskan semula kaedah Ani:s seperti ulasan yang berikut :

Bagi mengenal pasti posisi al-Nabr perlu dilihat kepada jenis suku kata yang terakhir setiap kalimah, sekiranya terdiri daripada jenis keempat, kelima dan keenam ( مُسْتَعِينٌ - مُسْتَقِرٌّ - تَحَابَ ) maka di situ letaknya al-Nabr. Sekiranya tidak, lihatlah suku kata kedua sebelum akhir sekiranya dari jenis kedua dan ketiga atau keempat seperti ( أَخُوكَ كَتَبْتُمْ - تَحَابَتْ ), maka di situ letaknya al-Nabr, sekiranya suku kata yang terakhir itu dari jenis yang pertama dilihat pada suku kata sebelumnya sekira sama jenisnya ( كَتَبَ - يَنْكَسِرُ حَاسِبَكَ - ضَالَ ) maka al-Nabr letaknya di situ. al Nabr terletak ada suku kata yang ketiga apabila diambil kira dari akhir kalimah, sekiranya Nabr bukan pada suku kata yang ketiga dari akhir kalimah daripada jenis yang pertama ( قَاتِلَ - يَكْتُبُ ) maka al Nabr terletak pada suku kata sebelum akhir. Al-Nabr tidak akan terletak pada suku kata yang keempat jika diambil kira dari akhir kalimah melainkan satu keadaan di mana tiga suku kata sebelum akhir mestilah dari jenis yang pertama ( حَرَكَهَ - يَحْتَرِمُكَ ), (Ibid 180:112).

### 3.4.2 Kaedah Tamam Hasan

Kaedah oleh Tamam Hasan( 1973:70 ) dalam kitabnya “ *al-Lughah al-'Arabiyyah Ma'na:ha wa Mabna:ha*.” seperti berikut :

**Kaedah pertama:** al-Nabr terletak pada suku kata yang terakhir sekiranya suku kata itu dari jenis sederhana ( قِ - قُمْ - مَا - قَالَ - قُلْ ).

**Kaedah kedua ;** al-Nabr terletak pada suku kata kedua sebelum akhir dalam keadaan berikut:

1. Sekiranya suku kata sebelum akhir kalimah dari jenis sederhana dan suku kata terakhir sama ada daripada jenis pendek ( أَخْرَجْتُ - حَذَارَ - اسْتَلَقَ ) atau jenis sederhana ( قَاتِلٌ - مُعَلِّمٌ - مُقَاتِلٌ - اسْتَوْتِيقٌ ).
2. Sekiranya suku kata sebelum akhir kalimah daripada jenis pendek dalam dua keadaan berikut ; terletak di permulaan kalimah ( حَسَبَ - صَوَّرَ - قَفَا ) atau di dahului suku kata pendek yang mempunyai huruf tertutup yang hanya dibaca dengan hamzat wasal : ( اَنْجَسَ - اَنْطَلَقَ - ارْعَوَ - اخْرِجِي - ابْتَغَ - امْضِيَا ) .
3. Sekiranya suku kata sebelum akhir daripada jenis panjang dan suku kata akhir daripada jenis pendek : ( اُنْحَاوْنِي - دُوَيْبَةُ ).

**Kaedah ketiga :** al-Nabr terletak pada suku kata yang ketiga sebelum akhir sekiranya;

1. Ia adalah suku kata pendek yang diikuti dengan dua suku kata pendek:  
( عَلَّمَكَ - لَنْ يَصِلَ - أَكْرَمَكَ ).
2. Ianya suku kata pendek yang diikuti suku kata pendek dan sederhana:  
( عَلَّمَكَ - لَمْ يَصِلْ - أَكْرَمَكَ ).

3. Ianya suku kata sederhana yang diikuti dengan dua suku kata pendek:

(بَيْتَكَ - لَمْ يَنْتَه - أَخْرَجُ).

4. Ianya suku kata sederhana diikuti suku kata pendek dan sederhana:

(بَيْتَكُمْ - مُصْطَفَى - أَخْرَجُوا - مُفَكَّر - نَظَرَةٌ - ابْتِسَامَةٌ).

**Kaedah keempat** : al-Nabr terletak pada suku kata yang keempat dari suku kata yang terakhir sekiranya suku kata yang terakhir itu daripada jenis sederhana dan suku kata yang keempat dari akhir daripada jenis pendek atau pun antara keduanya dua suku kata pendek (يَرِثِي - يَعِدُكُمْ - وَسَعَهُ - ضَرَبَهَا - ذَكَرَهُمْ). Tamam Hasan (1973 : 172-174)

#### Ulasan Daud ‘Abduh

Daud ‘Abduh(1980) telah membuat beberapa ulasan berkaitan kekurangan yang terdapat pada kaedah Tamam Hasan (1973) dan Ani:s (1979):

1. Tamam Hasan telah mengulangi kesilapan yang sama dilakukan oleh Ani:s sebelum ini, walaupun beliau ada menyatakan tentang adanya suku kata jenis KVVK pada posisi selain daripada akhir kalimah, seperti dalam (أَتَحَاجُّونِي), hal ini memerlukan susunan semula kaedahnya yang pertama dengan memasukkan perkataan-perkataan seperti : (ضَالٌّ-حَاجٌّ). Mana kala kaedahnya yang kedua perlu dimasukkan perkataan seperti berikut: (حَاجَّكَ - حَاجَّكُمْ - ضَالَّتُهُ).
2. Perkataan seperti (حَرَكَهٌ - يَحْتَمِلُهُ) di mana suku kata yang terakhir adalah pendek, kaedah beliau yang keempat perlu diselaraskan semula agar ianya tidak terhad kepada perkataan yang berakhir dengan suku kata sederhana. Daud ‘Abduh (1980:122).

Kaedah yang dibawa oleh Tamam *Hasan* sebenarnya tidaklah berbeza dari kaedah Ani:s, kerana kaedah yang digunapakai oleh mereka berdua adalah berdasarkan pembahagian suku kata dan jenisnya bagi setiap perkataan, di samping perlu dipendekkan vokal panjang dan dibuang vokal pendek bagi mengelak belakunya pertemuan dua suku kata tertutup(iltiqa:’ al-Sa:kinayn). Namun dalam beberapa keadaan tertentu terdapat perbezaan antara kaedah mereka berdua. Contohnya dari segi penyusunan kaedah, ianya telah dipengaruhi oleh dialek tempatan, sungguh pun demikian kaedah Ani:s adalah lebih baik dan terperinci berbanding kaedah Tamam Hasan (Daud ‘Abduh, 1980: 121).

Begitulah kesimpulan yang diperolehi daripada kaedah al-Nabr oleh Ani:s dan Tamam *Hasan* yang telah diselaraskan oleh Daud ‘Abduh. Penyelidik cuba menyusun semula pendapat dan kaedah-kaedah beliau supaya ianya lebih mudah untuk difahami dan diaplikasikan.

### 3.4.3 Kaedah Nabr al-Kalimah oleh Daud ‘Abduh

1. Al-Nabr terletak pada suku kata yang terakhir sekiranya suku kata berkenaan adalah jenis panjang :
  - a) Jenis keempat KVVK seperti perkataan (نَسْتَعِينُ) KVK+KV+KVVK
  - b) Jenis kelima KVKK seperti perkataan (مُسْتَقِرٌّ) KVK+KV+KVKK
  - c) Jenis keenam KVVKK seperti perkataan (تَحَابٌّ) KV+KVVKK
2. al-Nabr pada suku kata sebelum akhir sekiranya suku kata akhir bukan dari jenis panjang dan suku kata sebelum akhir itu dari jenis:

- a) Jenis kedua KVV seperti perkataan (أَخُولُك) KV+KVV+KV
- b) Jenis ketiga KVK seperti perkataan (كُتِبْتُمْ) KV+KVK+KVK
- c) Jenis keempat KVVK seperti perkataan (تَحَابَّتْ) KV+KVVK+KVK

Selain itu juga posisi al-Nabr terletak pada suku kata sebelum suku kata yang terakhir, sekiranya suku kata yang terakhir itu bukan dari jenis panjang dan suku kata sebelumnya dari jenis pendek yang didahului dengan suku kata sederhana atau panjang. Contohnya :

- a) قَاتِلُ KVV+KV+KV
- b) يَكْتُبُ KVK+KV+KV
- c) جَادَّةٌ KVVK+KV+KVK

3. Al-Nabr terletak pada suku kata yang ketiga dari posisi suku kata terakhir, sekiranya suku kata yang terakhir bukan dari jenis panjang, dengan syarat suku kata sebelum suku kata terakhir dan suku kata sebelumnya adalah daripada jenis pendek.

- a) كَتَبَ KV+KV+KV
- b) يَنْكَسِرُ KVK+KV+KV+KV
- c) حَاسِبِكَ KVV+KV+KV+KV
- d) ضَالَّةٌ KVVK+KV+KV+KV

4. al-Nabr terletak pada suku kata yang keempat dari akhir kalimah sekiranya suku kata terakhir bukan daripada jenis panjang dan tiga suku kata yang mendahuluinya daripada jenis pendek:

- a) حَرَكَۃً      KV+KV+KV+KVK
- b) يَحْتَرِمُكَ      KVK+KV+KV+KV+KV

### 3.5 –Mengaplikasikan Kaedah al-Nabr

Kaedah al-Nabr dalam bahasa Arab walau bagaimana sekalipun ianya disusun, tidak dapat tidak ianya berkait rapat dengan beberapa permasalahan bahasa yang berlaku pada kalimah seperti ; nahu, saraf , *hazaf* dan *ibda:l* atau *taqlib*. Oleh itu, bagi menentukan kaedah-kaedah al-Nabr dalam kalimah, beberapa perkara perlu diberi perhatian:

#### 1. Jenis kalimah dan sempadannya,

Sempadan kalimah bahasa Arab berbeza dari segi penulisan, contohnya perkataan (وَالْكِتَابَ) boleh dikatakan terdiri daripada dua perkataan (الكتاب) atau daripada tiga perkataan (و + ال + كتاب), oleh itu semua kata hubung (al-ism al-mauṣu:l) dan kata sendi nama (harf al-jarr) yang terdapat pada perkataan dianggap sebagai kalimah yang berasingan, walaupun dalam bentuk tulisan ianya membentuk satu kalimah, contohnya (يَدٍ - لِفَمٍ - وَقِنَا) apabila kaedah al-Nabr diaplikasikan, maka dikecualikan huruf ba', lam dan wau kecuali sekiranya adawa:t tadi menjadi permulaan bagi suku kata yang terakhir dalam perkataan, seperti kalimah yang bermula dengan hamzat wasal (وَأَذْهَبَ) , al- Nabr terletak pada suku kata yang pertama, dan dalam ayat (وَصَفَتِ السَّمَاءَ) al- Nabr terletak pada suku kata yang pertama sekiranya apa yang



dimaksudkan ialah (وصف + ت) dan al- Nabr terletak pada suku kata yang kedua sekiranya apa yang dimaksudkan adalah (و + صفت).

Selain daripada perkara yang disebutkan tadi, maka perlulah dikecualikan adawa:t yang terdapat pada kalimah ketika mengaplikasikan kaedah al-Nabr, tetapi terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian:

- a) Adawa:t ini tidak membawa Nabr utama sekiranya perkataan selepasnya membawa Nabr utama kecuali ianya dilafazkan secara berasingan. Adawa:t ini sama kaedahnya seperti ism dan fe'l yang bersambung dengan *da:mir muttasil* yang diikuti dengan satu kalimah. Contoh: al-Nabr terletak pada suku kata pertama dalam kalimah (لَهُمْ - بِكُمْ) dan pada suku kata kedua bagi kalimah : (لَهُنَّ - يَكُنَّ).
- b) Ianya terdapat pada satu kalimah yang mempunyai dua suku kata seperti (وَمَنْ - لِمَا - فَلَمْ - لَذَا-) salah satu daripadanya membawa Nabr utama, kebiasaannya al-Nabr terletak pada suku kata yang pertama.

## 2. al-Nabr berkait rapat dengan tiga kaedah

Bagi menentukan kedudukan al-Nabr dalam perkataan, perlu dilihat pada satu suku kata sebelumnya dan dua suku kata sesudahnya;

- a) Kaedah memendekkan vokal panjang apabila ianya terletak pada akhir kalimah, iaitu kaedah al-Nabr diaplikasikan selepas vokal panjang dipendekkan, vokal panjang yang terletak pada akhir kalimah tadi diubah menjadi vokal pendek apabila kaedah al-Nabr akan diaplikasikan. Oleh itu tidak ada perbezaan antara kalimah : (لَمْ يَكْتُبُوا - يَكْتُبُ) dan (نَفَرُوا - نَفَرُ).

b) Kaedah memendekkan vokal pendek pada akhir kalimat sama ada disebabkan oleh kaedah fonetik seperti kalimat (يَشْتَرِي) ketika bacaan waqaf atau jazm, al-Nabr terletak pada keseluruhan perkataan sebelum vokal pendek dibuang, diikuti dengan membuang vokal yang terakhir sekiranya perlu, oleh itu kita dapati tiada perbezaan posisi al-Nabr antara kalimat (يَشْتَرِي \ يَشْتَرِكُ - احْتَرَمَ \ احْتَرِمُ).

c) Kaedah menambah vokal pendek bagi mengelak berlakunya turutan tiga huruf konsonan bagi memastikan tiada pertemuan dua baris mati, seperti baris bawah dalam ayat (وَصَلَّتِ الْبِنْتُ) atau (رَجُلٌ اقْتَرَبَ - رَجُلَيْنِ اقْتَرَبَا). Maka baris wasal ditambah selepas kaedah al-Nabr diaplikasikan dalam kalimat (وَصَلَّتِ) dalam (وَصَلَّتِ ابْنَتِي) dan (وَصَلَّتْ) dalam (وَصَلَّتِ ابْنَتِي), maka didapati bahawa posisi al-Nabr sebenarnya tidak berubah (Daud 'Abduh (1980 : 119-121).

Daud 'Abduh juga mencadangkan satu cara baru bagi membentuk kaedah al-Nabr dalam bahasa Arab dengan menggunakan susunan fonetik huruf menggantikan susunan suku kata semata-mata, dan cara beliau ini bersandarkan teori bahawa huruf konsonan yang terdapat dalam tiga suku dalam satu kalimat tidak mempunyai kesan Nabr. Kalimat (ذَهَبَ) tiada bezanya dengan (ذَهَبَتْ) dan kalimat (رَجُلٌ) tidak berbeza dengan kalimat (رَجُلَيْنِ), tetapi Nabr itu memberi kesan sekiranya suku kata itu terdiri daripada vokal panjang (VV) atau pendek (V) dan dua huruf konsonan yang berturutan.

Manakala dua kalimat yang mempunyai susunan fonetik yang sama jenis konsonan dan vokal dengan pengecualian adanya suku kata (VKK) pada salah satu kalimat dan pengecualian suku kata (KK) pada kalimat yang satu lagi, didapati bahawa posisi Nabr padanya tidak berbeza.

1	قَالَ	<u>KVV</u> + KV
2	قَالَتْ	<u>KVV</u> + KVK
3	قُلْتُ	<u>KVV</u> + KV
4	يَقِيلُ	KV + <u>KVV</u> + KV
5	يَقِيلُ	KV + <u>KVK</u> + KV
6	يُحَاوِلُ	KV + KVV + <u>KV</u> + KV
7	يُحَوِّلُ	KV + KVK + <u>KV</u> + K

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa huruf konsonan tunggal dalam kalimah (K | قَالَتْ) tidak mempunyai kesan Nabr padanya seperti juga kalimah (قُلْتُ), kerana kedua-dua kalimah tadi mempunyai susunan bunyi yang sama daripada jenis sederhana dan pendek, tidak berbeza posisi Nabr pada kedua-duanya, didapati bahawa suku kata (KVK) setara dengan (KVV) apabila suku kata yang terletak selepas kedua-duanya bermula dengan huruf konsonan, dan suku kata (KV) ketika ianya tidak diikuti dengan suku kata (K). (Daud ‘Abduh, 1980: 121-122).

Cara Daud ‘Abduh menyusun kaedah al-Nabr mengikut susunan fonetik adalah seperti berikut:

Bunyi yang mengaitkan al-Nabr dalam lingkungan tiga suku kata ialah vokal panjang atau pun vokal pendek yang diikuti dengan dua huruf konsonan. Oleh itu, keutamaan ialah kepada vokal yang paling hampir dengan posisi al-Nabr dari akhir kalimah dan ini menjelaskan bahawa:

1. Posisi al-Nabr ialah pada suku kata sederhana atau panjang, sekiranya suku kata tadi merupakan suku kata kedua dari akhir kalimah.

2. Posisi al-Nabr ialah pada suku kata panjang semata-mata, sekiranya suku kata ini adalah yang terakhir dalam kalimat.
3. Suku kata sederhana yang tidak terletak pada akhir kalimat mengandung vokal panjang atau vokal pendek dan diikuti dengan dua huruf konsonan seperti:

(كُتِبُوا) KV + KV + KVV dan (كُتِبَتْ) KV + KV + KVK .

4. al-Nabr tidak terletak pada suku kata sederhana yang berada pada akhir kalimat melainkan ianya mengandung sama ada vokal pendek sahaja, atau pun vokal pendek yang diikuti dengan satu huruf konsonan, kerana kaedah memendekkan vokal pendek, lebih utama berbanding kaedah mengaplikasikan kaedah al-Nabr, contohnya :

(كُتِبُوهُ) KV + KV + KV / K + V dan (كُتِبْتُهُ) KV + KVK + KV + KV.

5. Manakala suku kata yang panjang dan sederhana sekiranya terletak pada posisi yang keempat dari akhir kalimat, maka Nabr terletak pada suku kata pendek selepasnya. (Daud ‘Abduh, 1980:123).

Kesimpulan daripada kaedah yang digunakan oleh Daud ‘Abduh sebelum ini, didapati bahawa beliau tidak membawa suatu pembaharuan dalam mengaplikasikan kaedah al-Nabr dalam bahasa Arab, sebaliknya beliau telah meletakkan satu asas bagi mengaplikasikan kaedah al-Nabr selepas beliau menggabungkan kaedah Ani:s dan Tamam Hasan dengan penambahbaikan terhadap aspek-aspek tertentu. Beliau telah menyusunnya semula dengan lebih terperinci berbanding pengaji-pengkaji yang

sebelumnya. Beliau juga turut mencadangkan cara menyusun kaedah al-Nabr berdasarkan fonetik, tetapi penyelidik mendapati bahawa cara tersebut agak sukar untuk difahami dan diaplikasikan. Namun berkemungkinan kaedah tersebut lebih mudah digunakan bagi individu-individu tertentu dalam kajian mereka.

Penyelidik lebih cenderung memilih untuk mengaplikasikan kaedah al-Nabr berdasarkan susunan suku kata seperti yang diperkenalkan oleh Ani:s dan Tamam Hasan, tetapi dengan merujuk kepada ulasan-ulasan daripada Daud ‘Abduh. Namun demikian, ini tidaklah menunjukkan bahawa kaedah-kaedah al-Nabr oleh para pengkaji yang lain tidak sesuai untuk digunakan, cuma penyelidik mendapati kaedah Ani:s (1979) dan Tamam Hasan (1973) yang telah disusun semula oleh Daud ‘Abduh (1980) adalah lebih jelas dan mudah difahami untuk diaplikasikan dalam kajian ini berbanding kaedah-kaedah yang lain.

### **3.6 - Perpindahan al-Nabr**

Menurut Al-Qata:miyy, Muhammad Musnif (1986: 154) posisi al-Nabr dalam perkataan yang ditentukan mengikut kaedah-kaedah dalam perkataan bahasa arab adalah tetap dan kita boleh mengenal pasti posisinya. Oleh itu, posisi al-Nabr dalam perkataan boleh diketahui dan dijangkakan dengan mudah kerana ianya tidak melibatkan sebarang reaksi pertuturan dan jenis ungkapan berdasarkan tujuan penuturnya. Bahkan ianya digunakan sebagai satu unit yang membezakan antara suku kata-suku kata yang terdapat dalam perkataan yang sama. Tetapi ini tidak bermaksud bahawa peraturan dan kaedah al-Nabr tidak berpindah posisi dari suku kata ke suku kata yang lain dalam perkataan atau ayat, terdapat beberapa keadaan tertentu yang menyebabkan perpindahan posisi al-Nabr berlaku.

Begitu juga menurut ‘Abd al-Qa:dir (1997:127-128) posisi al-Nabr dalam bahasa Arab adalah tetap, iaitu boleh dijangka posisinya dalam perkataan berdasarkan kaedah yang diperkenalkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, namun satu perkara yang perlu diberi perhatian, walaupun al-Nabr dalam bahasa Arab adalah tetap posisinya iaitu boleh ditentukan menggunakan kaedah al-Nabr, namun kaedah al-Nabr yang diguna pakai juga membenarkan berlakunya perpindahan al-Nabr. Posisi al-Nabr utama akan berpindah dari suku kata ke suku kata yang lain dalam perkataan yang sama disebabkan oleh beberapa keadaan:

**1. al-Ishtiqa:q** : di mana posisi al Nabr utama berubah apabila sesuatu kalimah atau suku kata mengalami variasi perubahan lafaz disebabkan oleh al-Ishtiqa:q, contohnya:

<u>KV</u> +KV+KV	كَتَبَ
KVK+ <u>KV</u> +KV	يَكْتُبُ
KVK+ <u>KVKK</u>	مَكْتُوبٌ

Dalam contoh di atas, posisi Nabr utama telah berubah dengan perubahan bentuk Ishtiaq yang berlaku, sekiranya kita merujuk kepada kaedah Daud ‘Abduh sebelum ini dalam kalimah (كَتَبَ) posisi Nabr utama terletak pada suku kata yang pertama kerana terdapat tiga turutan suku kata daripada jenis yang sama dalam kalimah yang sama. Kemudian kita dapati Nabr utama telah berpindah daripada suku kata yang pertama kepada suku kata kedua dalam kalimah (يَكْتُبُ) begitu juga dalam kalimah : (مَكْتُوبٌ) didapati al-Nabr juga terletak pada suku kata yang kedua.

Ani:s (1979 : 186) mengkategorikan Nabr yang dipengaruhi oleh unsur ishtiqa:q seperti di atas sebagai satu penyebab kepada jatuhnya tanda I’rab, seperti yang berlaku

dalam pertuturan dialek tempatan. al-Nabr bagi kalimah (يَكْتُبُ) dalam bahasa Arab standard posisinya adalah pada suku kata yang kedua, tetapi terdapat dialek-dialek tempatan yang meletakkan Nabr pada suku kata yang pertama. Hal ini demikian menyebabkan perubahan berlaku dalam kaedah al-Nabr, kerana sebelum ini ianya mengambil kira posisi suku kata dari perkataan yang terakhir bagi menentukan posisi al-Nabr tidak lagi digunakan. Pada masa yang sama mengakibatkan harakaṭ I'rab itu jatuh.

**2. Isna:d al-fe'l kepada dama:'ir**, mungkin berlaku dalam keadaan-keadaa tertentu di mana isna:d fe'l ma:di: kepada dami:r raf' mutaharrik, membawa kepada perpindahan al-Nabr daripada posisi asalnya ketika sebelum berlakunya isnad, contohnya :

<u>KV</u> +KV+KV	نَفَرَ
KV+ <u>KVK</u> +KV	نَفَرْتُ

**3. Jazm al-Muda:ri' seperti :**

KVK+ <u>KV</u> +KV	يَنْفَرُ
<u>KVK</u> / KVK+KV+KVK	لَمْ يَنْفَرْ

Di sini didapati bahawa perpindahan al-Nabr berlaku dari suku kata kedua dalam kalimah (يَنْفَرُ) kepada suku kata yang pertama dalam kalimah (لَمْ يَنْفَرْ) selepas didahului dengan huruf Jazm (لَمْ). Hila:l (1988: 226-227)

Merujuk kepada contoh-contoh yang diutarakan sebelum ini, perpindahan al-Nabr yang berlaku biasanya tidak akan menjangkau melebihi posisi satu suku kata

dalam perkataan, tetapi pada masa yang sama berkemungkinan juga perpindahan berlaku selepas dua suku kata, seperti:

$$\begin{array}{ll} \underline{KV}+KV+KV & \text{دَرَسَ} \\ KV+KVK+\underline{KVK}+KV & \text{دَرَسْتَنَ} \end{array}$$

Perpindahan al-Nabr dalam contoh di atas berlaku melebihi dua suku kata apabila fe‘l di isnadkan kepada jama:at al-mukha:tabi:n, namun perpindahan al-Nabr yang berlaku tidak akan melebihi dua suku kata. ‘Isam Nur al-Di:n (1992:113)

### 3.7 - Kesimpulan

Seperti bahasa-bahasa pertuturan yang lain, bahasa Arab juga menggunakan al-Nabr dalam kalimah dan ayat-ayatnya. Nabr Jumlah dalam bahasa Arab tidak menjadi topik perdebatan kerana fungsinya dan penggunaannya adalah jelas dan mudah untuk dikenalpasti berdasarkan penggunaan dan kontek ayat. Nabr kalimah mufradah dan kaedahnya pula, masih lagi diperbincangkan sehingga ke hari ini, berikutan tiada satu pun kaedahnya yang diwarisi oleh ulama’ dan para ilmuan terdahulu. Cuma yang ada hanyalah kaedah-kaedah yang terhasil daripada kajian secara individu oleh para linguis tertentu yang menjadi perintis dalam menentukan kaedah al-Nabr dalam bahasa Arab.

Walaupun tidak dapat dipastikan sejauh mana kaedah-kaedah tersebut bertepatan dengan pertuturan bahasa Arab Fushah yang diwarisi sejak dahulu, namun berpandukan oleh sanad dan cara bacaan al-Qur’a:n yang mutawa:tir oleh qurra:’ serta ulama’ tajwid dan Qiraat, adalah diyakini kaedah dan cara yang digunakan mereka adalah sepertimana digunakan oleh orang-orang Arab terdahulu. Walupun al-Nabr merupakan satu aspek yang kecil dalam bidang fonetik, kaedah-kaedahnya perlu diaplikasikan bagi memastikan ketulenan sebutan bahasa Arab sentiasa terpelihara.



## **BAB EMPAT : ANALISIS POSISI AL-NABR DALAM SURAH ‘ABASA**

### **4.0- Pendahuluan**

Dalam bab ini penyelidik akan mengaplikasikan kaedah al-Nabr dengan merujuk kepada kaedah-kaedah al-Nabr oleh Ani:s Ibrahim dan Tamam Hasan yang telah diolah dan disusun semula oleh Daud ‘Abduh bagi menentukan posisi al-Nabr al-Ra’i:siyy dalam Surah ‘Abasa dan mengkaji signifikannya dengan tema-tema yang terdapat dalam surah berkenaan.

Sebelum mengaplikasikan kaedah tersebut penyelidik terlebih dahulu mengenal pasti tema-tema yang terdapat dalam surah melalui terjemahan dan isi kandungan surah, seterusnya penyelidik melakukan proses pengeditan suku kata bagi setiap perkataan dalam surah berkenaan bagi mengenal pasti bentuk-bentuk suku kata, seterusnya diikuti proses menentukan posisi al-Nabr al-Ra’i:siyy bagi setiap kalimah.

Selepas posisi al-Nabr al-Ra’i:siyy dalam setiap kalimah surah ‘Abasa dikenalpasti, penyelidik akan membuat hitung kira bentuk-bentuk suku kata dan posisi al-Nabr berkenaan serta taburannya bagi setiap tema yang terdapat dalam surah. Akhir sekali penyelidik cuba mengaitkan taburan posisi al-Nabr dengan tema-tema tersebut.

### **4.1 Latar Belakang Surah ‘Abasa**

Surah ‘Abasa merupakan surah makkiyyah, surah yang ke 80, mengandungi sebanyak 42 ayat berkaitan akidah dan kerasulan, tanda-tanda kekuasaan serta keesaan Allah SWT yang mencipta manusia, tumbuh-tumbuhan dan juga makanan, selain terdapat ayat-ayat yang memperihal tentang gambaran hari kiamat yang menggerunkan.

#### 4.1.1 Nama Surah

Surah ini dinamakan dengan ‘Abasa oleh kerana surah ini bermula dengan kalimah ‘Abasa yang menggambarkan tentang salah satu daripada sifat semulajadi manusia yang kadang-kadang terpaksa akur kepada unsur kelemahan. Sudah menjadi lumrah bagi setiap insan apabila menghadapi sesuatu tugas yang sedia terbeban, bila mana dihadapkan pula dengan perkara lain, ia akan lupa terhadap tanggungjawab yang lepas. Allah SWT telah memberi teguran yang baik kepada Nabi Muhammad s.a.w apabila baginda tersilap memalingkan mukanya daripada seorang sahabat yang buta. Sebenarnya dengan teguran tersebut mengangkat posisi dan kemuliaan Nabi s.a.w sendiri.

#### 4.1.2 Kaitan Dengan Surah Sebelumnya

Surah ini mempunyai kaitan dengan surah sebelumnya iaitu surah al-Na:zi’a:t, kerana Allah S.W.T menyebut bahawa Nabi memberi peringatan supaya takut kepada kiamat. Manakala dalam surah ini alah menyebut golongan yang mendapat faedah daripada peringatan itu, yakni orang yang diseru oleh Nabi s.’a.w kepada Islam iaitu ‘Utbah bin Rabi’ah, Syaibah bin Rabi’ah, Abu Jahal, ‘Abbas bin ‘Abd ul Mutallib, Umayyah bin Khalaf dan al-Walid bin al-Mughirah. Kedua-dua surah ini mempunyai persamaan dari segi tajuk perbincangan iaitu tentang kiamat dan malapetakanya serta menegaskan tentang kebenaran kebangkitan semula makhluk.

Dalam surah yang lepas disebut sifat kiamat, Firman Allah (bermaksud) : **“Maka apabila malapetaka yang sangat besar (hari kiamat) itu datang”** (al-Nazi’at:79:34). Manakala dalam surah ‘Abasa Allah SWT menyebut sifat kiamat dengan firmannya yang bermaksud : **“ Dan apabila datang suara yang memekakkan telinga ( tiupan sangkakala yang kedua )”,** (‘Abasa, 80:33).

Baik al-Tammah mahupun al-Sa:kkah adalah nama kepada kiamat. Dalam surah yang lepas Allah menegaskan tentang kebenaran kejadian kiamat dengan penciptaan langit, bumi dan bukit bukau, manakala dalam surah ini kebangkitan semula diithbatkan dengan bukti kejadian manusia, tumbuh-tumbuhan dan makanan.

#### **4.1.3 Kandungan Surah Secara Umum**

Surah ini sama seperti surah Makkiyyah yang lain, menekankan aspek ‘aqidah, risalah dan akhlak, yang meletakkan prinsip persamaan di antara manusia sebagai tonggak, tanpa membezakan yang kaya dan miskin.

Surah ini dimulakan dengan menyebut kisah ‘Abd ullah bin Umm Maktum yang buta iaitu anak saudara kepada Khadijah binti Khuwaylid. Beliau datang berjumpa Rasulullah s.a.w untuk belajar, sedangkan pada ketika itu baginda sedang sibuk menyampaikan ceramah dan berdakwah kepada pembesar Quraisy. Rasulullah s.a.w memalingkan mukanya daripada beliau. Dengan itu Allah menegur Nabi dengan firmanNya (bermaksud) : “dia (Muhammad) bermasam muka dan berpaling ...” (‘Abasa, 80: 1-6). Ini menunjukkan bahawa al-Qur’a:n merupakan peringatan dan nasihat bagi orang yang berfikir.

Surah ini mengutuk sikap engkar manusia dan kekufuran mereka terhadap nikmat Allah serta perbuatan mereka menolak petunjuk Allah. “Binasalah manusia lantaran kekufuran yang amat sangat...” (‘Abasa, 80:17-23). Dikuti pula dengan beberapa hujah tentang kekuasaan Allah dan keesaanNya dalam mencipta manusia, tumbuh-tumbuhan, menyediakan makanan dan minuman kepada manusia, membuktikan kekuasaan Allah mengadakan hari kebangkitan semula. Firman Allah (bermaksud): “Maka hendaklah manusia itu memerhatikan makanannya...” (‘Abasa, 80: 24-32).

Surah ini diakhiri dengan gambaran tentang malapetaka besar hari kiamat, di mana manusia melarikan diri daripada orang yang paling rapat dengannya, penjelasan tentang posisi orang beriman yang mendapat kebahagiaan dan orang kafir yang mendapat penderitaan pada hari tersebut. Firman Allah (bermaksud) : “ Dan apabila datang suara yang memekakkan (tiupan sangkakala yang kedua) “ (‘Abasa : 33-42), (Al-Zuhaily,2001: 51-52).

#### **4.1.4 Sebab Turun Surah**

Surah ini diturunkan mengenai ‘Abd ullah bin Umm Maktum, anak saudara Khadijah binti Khuwaylid seorang lelaki yang buta, ‘Abd ullah bin al-Maktum yang telah datang untuk berjumpa dengan Nabi Muhammad s.a.w untuk belajar tentang Islam, pada ketika itu rasulullah sedang sibuk berdakwah kepada sekumpulan Quraisy mengajak mereka memeluk islam, lalu nabi memalingkan muka dan mengabaikan kehadiran ‘Abd ullah bin al-Maktum. Maka Allah menegur perbuatan berkenaan dengan turunnya Firman allah SWT (bermaksud), “ Dia memasamkan muka dan berpaling kerana didatangi orang buta...” ( ‘Abasa , 80: 1-2)

#### **4.1.5 Tema-Tema Yang Terdapat Dalam Surah**

##### **Tema 1 - Persamaan dan Kesamarataan dalam Islam: ayat 1-10**

Ayat-ayat tersebut merupakan teguran Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w yang berpaling daripada ‘Abd ullah bin Umm Maktum supaya tidak mengguris perasaan orang miskin, malah diketahui bahawa orang beriman yang fakir lebih baik daripada orang kaya yang kafir. Walaupun sikap ‘Abd ullah bin Umm Maktum sepatutnya ditegur kerana berkeras supaya baginda Rasulullah menyahut panggilan dan mengajar beliau, kerana ia adalah sikap yang tidak beradab dan keras. Namun begitu, Allah

memberikan teguran kepada Rasulullah kerana baginda sepatutnya mendahulukan perkara yang lebih utama daripada perkara yang kurang penting.

Ibn Maktum juga perlukan teguran kerana beliau sudah pun Islam ketika itu dan telah mempelajari ajaran-ajaran yang diperlukan, sedangkan orang kafir masih belum mengetahui tentang Islam. Namun begitu, Ibn al Maktumm tidak dikira salah kerana beliau tidak tahu bahawa Rasulullah sedang sibuk melayani orang lain kerana beliau seorang yang buta. Ayat-ayat yang berkaitan merupakan dalil yang nyata bahawa dalam Islam wajib melayani orang secara sama-rata dalam soal memberikan pengajaran, ilmu dan dakwah tanpa membezakan antara yang miskin dan kaya. al-Zuhaili (2001: 56-57).

## **Tema 2 – Al-Qur’a:n Sebagai Nasihat, Peringatan dan Nikmat Allah kepada Manusia : ayat 11-23**

Selepas Allah menegur nabi kerana berpaling daripada ‘Abd ullah bin Umm Maktum ketika baginda sibuk melayani pembesar Quraisy. Ayat 11- 23, memperkatakan tentang dalil-dalil kekuasaan Allah dan memperincikan tentang nikmat-nikmatNya pada manusia, juga kekufuran manusia terhadap nikmat-nikmat yang Allah SAW berikan serta kedegilan mereka untuk menerima hidayah Allah, juga diterangkan posisi al-Qur’a:n sebagai kitab peringatan dan nasihat. Allah SWT mengecam manusia kerana kekufuran mereka terhadap nikmat-nikmat yang diberikan serta sikap sombong dan bongkak untuk menerima hidayah Allah. Sesungguhnya mereka berhak menerima seberat-berat siksaan kerana melakukan perkara yang keji dan buruk (Ibid 2001:59).

## **Tema 3 - Nikmat Allah yang diperlukan oleh Manusia : ayat 24-32**

Ayat 24-32 memperkatakan tentang tanda-tanda keesaan dan kekuasaan Allah, di mana Allah telah memudahkan segala urusan kehidupan manusia dengan menyediakan

sumber makanan dan minuman sebagai bukti kekuasaan Allah. Selepas menjelaskan dalil-dalil kekuasaan Allah dan memperincikan satu demi satu nikmat-nikmatNya yang terdapat pada diri manusia, Allah menyebut pula dalil dari luar diri manusia, atau dalil daripada alam semesta yang memperjelaskan nikmat-nikmat yang diperlukan oleh manusia untuk meneruskan kelangsungan kehidupan mereka di dunia ( Ibid 2001: 65).

#### **Tema 4 - Gambaran Kiamat : ayat 33-42**

Selepas menerangkan tentang nikmat Allah yang terdapat dalam diri manusia dan alam, dalil-dalil dan bukti kekuasaanNya untuk menghidupkan semula manusia dan segala makhluk lain. Dalam ayat 33-42, Allah menjelaskan pula sebahagian daripada malapetaka hari kiamat yang boleh menimbulkan rasa takut dan gerun dalam diri manusia, antaranya perpisahan antara manusia dengan orang yang dikasihi, juga memperkatakan tentang keadaan orang-orang beriman yang sentiasa memperolehi kebahagiaan dan penderitaan yang akan menimpa orang kafir pada hari yang menakutkan itu (Ibid 2001 : 68).

#### **4.2 Surah ‘Abasa Terjemahan dan Tafsirannya**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

عَبَسَ وَتَوَلَّى ۖ	أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ۖ	وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَكَّى ۖ	أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَى ۖ
أَمَّا مَنْ أَسْتَغْنَى ۖ	فَأَنْتَ لَهُ تَصَدَّى ۖ	وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَكَّى ۖ	وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ
يَسْعَى ۖ	وَهُوَ يَخْشَى ۖ	فَأَنْتَ عَنْهُ تَلَهَّى ۖ	

1. Ia memasamkan muka dan berpaling,
2. Kerana ia didatangi orang buta.

3. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya, Wahai Muhammad)?

Barangkali ia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu)!

4. Ataupun ia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadaNya.

5. Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Qur'a:n),

6. Maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya.

7. Padahal engkau tidak bersalah kalau ia tidak mahu membersihkan dirinya (dari keingkarannya).

8. Adapun orang yang segera datang kepadaMu,

9. Dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah), -

10. Maka engkau berlengah-lengah melayaninya.

كَلَّا إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ ۖ فَمَنْ شَاءَ ذَكَرْهُ ۚ فِي صُحُفٍ مُّكْرَمَةٍ ۚ مَرْفُوعَةٍ مُّطَهَّرَةٍ ۚ بِأَيْدِي  
سَفَرَةٍ ۚ كِرَامٍ بَرَرَةٍ ۚ قُتِلَ الْإِنْسَنُ مَا أَكْفَرَهُ ۚ مِنْ أَيِّ شَيْءٍ خُلِقَهُ ۚ مِنْ نُّطْفَةٍ  
خُلِقَهُ ۚ فَقَدَرَهُ ۚ ثُمَّ أَلْسَيْلَ يَسْرَهُ ۚ ثُمَّ أَمَاتَهُ فَأَقْبَرَهُ ۚ ثُمَّ إِذَا شَاءَ أُنْشَرَهُ ۚ كَلَّا  
لَمَّا يَقْضَ مَا أَمَرَهُ ۚ

11. Janganlah melakukan lagi yang sedemikian itu! sebenarnya ayat-ayat Al-Qur'a:n adalah pengajaran dan peringatan (yang mencukupi).

12. Maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, dapatlah ia mengambil peringatan daripadanya.

13. (ayat-ayat suci itu tersimpan) dalam naskhah-naskhah yang dimuliakan

14. Yang tinggi darjatnya, lagi suci (dari Segala gangguan)

15. (Terpelihara) di tangan malaikat-malaikat yang menyalinnya dari Lauh Mahfuz;
16. (malaikat-malaikat) yang mulia, lagi yang berbakti.
17. Binasalah hendaknya manusia (yang ingkar) itu, betapa besar kekufurannya?
18. (tidakkah ia memikirkan) dari apakah ia diciptakan oleh Allah? -
19. Dari air mani diciptakanNya, serta dilengkapkan keadaannya dengan persediaan untuk bertanggungjawab;
20. Kemudian jalan (baik dan jahat), dimudahkan Tuhan kepadanya (untuk menimbang dan mengambil mana satu Yang ia pilih);
21. Kemudian dimatikannya, lalu diperintahkan supaya ia dikuburkan;
22. Kemudian apabila Allah kehendaki dibangkitkannya (hidup semula).
23. Janganlah hendaknya ia kufur ingkar lagi! sebenarnya ia belum menunaikan apa yang diperintahkan kepadaNya.

فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ إِلَى طَعَامِهِ ۚ أَنَا صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا ۚ ثُمَّ شَقَقْنَا الْأَرْضَ شَقًّا ۚ فَأَنْبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ۚ وَعَيْنًا وَقَضْبًا ۚ وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ۚ وَحَدَائِقَ غُلْبًا ۚ وَفَيْكِهَةً وَأَبًّا ۚ مَتَّعًا لَّكُمْ وَلَآتَعْمِكُمْ ۚ

